

## BAB 4

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN KESELURUHAN MOTIF DAN ORNAMENTASI CINA DALAM BINAAN MASJID

#### 4.0 Pengenalan


Motif dan ornamentasi Cina terhadap tiga buah masjid kajian ini telah diklasifikasikan mengikut jenis dan kategori motif yang terdiri daripada enam motif yang utama iaitu motif bunga, haiwan, kosmos, buah, geometri dan fenomena yang menghiasi masjid kajian. Dalam bab ini, penulis akan menganalisis motif dan ornamentasi yang terdapat ditiga masjid. Selain itu, penulis juga akan menilai makna disebalik penggunaan motif-motif ini sebagai hiasan di dalam masjid. Dapatan jumlah ini diperolehi berdasarkan kepada jenis motif dan jumlah setiap satu motif yang terdapat di tiga masjid ini.

Jadual 4.1 Jumlah Keseluruhan Jenis Motif dan Ornamentasi Cina Bagi Tiga Buah Masjid

Jenis Motif	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengkeru	Masjid Kg. Hulu	Total
1. Bunga	195	40	17	252
2. Haiwan	10	17	26	53
3. Buah	10	4	10	24
4. Kosmos	87	18	5	110
5. Geometri	22	12	12	46
6. Fenomena	18	6	10	34
Jumlah	342	97	80	519

Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Carta 4.1: Jumlah Peratusan Motif dan Ornamentasi Cina di Tiga Buah Masjid Kajian



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Berdasarkan kepada jadual 4.1 dan carta pai 4.1, keseluruhan motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di tiga buah masjid kajian ini adalah sebanyak 519 motif. Masjid Kampung Keling mencatatkan jumlah motif Cina yang tertinggi iaitu 342 motif bersamaan 72% diikuti Masjid Tengkeria iaitu 97 motif bersamaan 15%. Motif Cina yang paling sedikit antara ketiga buah masjid ini ialah Masjid Kampung Hulu iaitu 80 motif bersamaan 13%. Hasil kajian mendapati motif yang terbesar ialah motif bunga dengan jumlah 252 motif bersamaan 49% diikuti kosmos 110 motif dengan jumlah peratusan 21% manakala motif haiwan iaitu 53 motif bersamaan 10%. Manakala geometri berjumlah 46 motif bersamaan 9% dan fenomena mempunyai jumlah 34 motif bersamaan 6%. Motif buah berjumlah 24 motif secara keseluruhan bersamaan 5%.

Masjid Kampung Keling mempunyai jumlah motif bunga terbanyak iaitu 195 motif diikuti motif kosmos 87 motif, motif fenomena sebanyak 18 motif, motif geometri sebanyak 22 motif manakala motif buah dan haiwan masing-masing 10 motif. Masjid Tengkeria mempraktikkan motif bunga yang terbesar sebagai hiasan iaitu sebanyak 40 motif diikuti motif kosmos dengan jumlah 18 motif.

Seterusnya penggunaan bentuk haiwan dengan jumlah 17 motif. Penggunaan motif geometri adalah sebanyak 12 motif manakala motif fenomena sebanyak 6 motif. Penggunaan motif yang paling sedikit di dalam Masjid Tengkeria ialah motif buah dengan jumlah 4 motif. Motif bunga dan haiwan yang terdapat di Masjid Kampung Hulu merupakan jumlah yang tertinggi penggunaan motifnya di dalam masjid tersebut. Motif bunga berjumlah sebanyak 17 motif manakala motif haiwan berjumlah 26 motif. Motif geometri yang digunakan dalam masjid ini ialah 12 motif diikuti motif buah dengan jumlah 10 motif, fenomena sebanyak 10 motif dan kosmos sebanyak 5 motif.

Ketiga-tiga buah masjid ini sememangnya dihias dengan keunikan dan nilai estetika tersendiri bagi menonjolkan kehebatan pemerintah kepada masyarakat yang datang dari luar kerana masjid-masjid ini menjadi tumpuan utama para pedagang yang datang berdagang dan berdakwah kerana lokasinya yang terletak di tengah bandar. Ketiga masjid ini menerima banyak campuran asing seperti Eropah, Inggeris dan Sumatera. Kesenian Cina adalah diantara kesan yang boleh dilihat pada masjid ini dengan jumlah yang berbeza. Terdapat beberapa faktor yang membezakan jumlah motif dan ornamentasi Cina di ketiga buah masjid ini. Masjid Kampung Keling mempunyai jumlah motif terbesar kerana masjid ini menerima sentuhan khusus daripada tukang Cina yang membantu kepada pembangunan masjid. Mereka ini merupakan golongan yang diarahkan Belanda dan diberi bayaran untuk membina masjid setelah berlaku perbalahan di antara orang Melayu dan Keling dalam merebut Masjid Kampung Hulu.

Pengasas Masjid Kampung Hulu merupakan seorang Cina muslim dan pembinaan masjid ini sememangnya direncanakan mengikut kesenian Cina. Namun begitu, renovasi yang berlaku di dalam masjid sebahagiannya dibuang bagi proses pembesaran ruang solat. Kebanyakan ruang dalam solat masjid ini diberi sentuhan semula dengan hiasan daripada seni ukiran Melayu dan Islam yang boleh dilihat pada

bahagian siling, tingkap dan pintu masjid.<sup>1</sup> Keunikan hiasan di bahagian dalam dan luar Masjid Tengkeria memperlihatkan kekayaan campuran kesenian asing. Kesan kesenian asing boleh dilihat dalam jumlah yang banyak dalam masjid ini kerana Masjid Tengkeria merupakan masjid negeri sebelum digantikan dengan Masjid al-Azim pada tahun 2000. Sehubungan itu, gabungan kesenian asing di dalam masjid ini dilihat seimbang jumlahnya termasuklah motif dan ornamentasi Cina yang terdapat di bahagian luar dan dalam masjid ini.

#### **4.1 Motif Bunga**

Motif bunga berunsurkan kebudayaan Cina merupakan motif yang terbanyak diaplikasikan ditiga buah masjid kajian. Bunga-bunga yang menjadi fokus dalam ukiran Cina merupakan bunga yang mewakili empat musim dan mempunyai kaitan rapat dengan maksud penggunaannya di dalam kebudayaan Cina. Bunga-bunga yang menjadi seni hiasan motif Cina di tiga buah masjid yang telah diklasifikasikan hampir kesemuanya bukan berasal dari Malaysia tetapi berasal dari negara China yang diperkenalkan ke negara-negara Asia lain seperti Jepun, Korea dan Taiwan. Bunga-bunga ini di bawa masuk oleh masyarakat Cina yang bermigrasi ke Malaysia dan Melaka khususnya. Disebabkan itu seni hiasan tiga buah masjid ini tidak terlepas daripada mempraktikkan ukiran motif bunga-bunga dari luar ini. Penggunaan bunga ini sebagai hiasan sememangnya direncanakan para tukang yang bertujuan untuk memperkayakan kesenian dan kebudayaan Cina sekaligus memperingati kampung halaman yang ditinggalkan.

Bunga merupakan tumbuhan semula jadi yang memiliki pelbagai warna, bau dan jenis serta seringkali dikaitkan dengan keindahan dan kecantikan seorang wanita. Bagi masyarakat Cina bunga melambangkan kesucian, kecantikan dan kemanisan seorang

---

<sup>1</sup> Tuan Haji Abdullah Karim (Imam Masjid Kg. Hulu) dalam temubual bersama penulis, 5 November 2013

wanita. Sewaktu zaman pemerintahan kerajaan Tang dan Song bunga peach, plum, teratai, kekwa diolah menjadi material penghias rambut wanita yang diperbuat daripada emas, mutiara dan perak. Permaisuri dan barisan pemerintah biasanya akan memakai material ukiran bunga ini bagi menghadiri majlis tertentu. Misalnya penghias rambut yang diperbuat daripada jed putih akan diukir kelopak bunga kekwa.<sup>2</sup> Penggunaan bunga dalam kehidupan masyarakat Cina merupakan aspek penting. Buktinya setiap bulan dalam kalendar luna akan diwakili jenis-jenis bunga tertentu. Bulan pertama diwakili bunga plum, bulan kedua bunga peach blossom, bulan ketiga bunga peoni, bulan keempat bunga cherry blossom, bulan kelima bunga magnolia, bulan keenam delima, bulan ketujuh bunga teratai atau orkid, bulan kelapan buah pear, bulan kesembilan mallow blossom, bulan kesepuluh bunga kekwa, bulan kesebelas bunga gardenia dan bulan kedua belas bunga poppy.<sup>3</sup> Kesemua jenis bunga ini sentiasa dipraktikkan di dalam kesenian Cina yang boleh dilihat dalam bentuk lukisan, hiasan seramik dan ukiran pada rumah kediaman atau rumah ibadat Cina.<sup>4</sup> Jadual berikut menunjukkan jumlah motif bunga yang digunakan di tiga buah masjid kajian.

---

<sup>2</sup>Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art: A Guide To Motifs And Visual Imagery*, (Singapore: Tuttle Publishing, 2008), 19.

<sup>3</sup>Ong Hean-Tatt, *Chinese Plant Symbolism, A Guide To The Symbolic Value Of Plants In Chinese Culture*, (Selangor: Pelanduk Publication, 1999), 29-35.


<sup>4</sup>Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 17-18. Lihat juga Teresa Tse Bartholomew, *Hidden Meanings in Chinese Art*, (San Francisco: Asian Art Museum, 2006), 158.

Jadual 4.2: Jumlah Motif Bunga di Keseluruhan Tiga Buah Masjid Kajian

Jenis Bunga	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengkerera	Masjid Kg. Hulu	Total
1. Teratai	124	26	7	157
2. Plum	36	6	4	46
3. Kekwa	6	/	2	8
4. Peoni	12	4	4	20
5. Olea Fragrans	10	/	/	10
6. Orkid	6	4	/	10
7. Cassia	1	/	/	1
Jumlah	195	40	17	252

Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Carta 4.2: Peratus Motif Bunga di Tiga Buah Masjid Kajian



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Berdasarkan kepada jadual 4.2 jumlah keseluruhan motif bunga yang berunsur kebudayaan Cina berjaya direkodkan sebanyak 252 bunga daripada tujuh jenis bunga. Masjid Kampung Keling mempunyai jumlah terbesar penggunaan bunga iaitu 195 motif bersamaan 77%. Masjid Tengkerera mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu 40 motif

bersamaan 15%. Masjid Kampung Hulu mengaplikasikan motif ini dalam jumlah yang kecil iaitu 17 motif bersamaan 7%. Jumlah bunga terbesar yang terdapat di keseluruhan tiga buah masjid adalah bunga teratai dengan jumlah penggunaan 157 bunga dan Masjid Kampung Keling adalah masjid yang direkodkan menggunakan bunga sebagai motif paling banyak iaitu 124 motif diikuti Masjid Tengker 26 motif dan Masjid Kampung Hulu sebanyak 7 motif teratai. Bunga plum merupakan penggunaan yang kedua tertinggi selepas teratai iaitu sebanyak 46 motif. Masjid Kampung Keling yang paling banyak menggunakan bunga ini sebagai motif hiasan iaitu sebanyak 36 motif diikuti Masjid Tengker 6 motif dan Masjid Kampung Hulu 4 motif.

Penggunaan peoni bagi keseluruhan masjid adalah sebanyak 20 motif dan masjid yang paling banyak menggunakan motif ini ialah Masjid Kampung Keling iaitu 12 motif dan dua buah masjid kajian lagi mempunyai jumlah yang sama iaitu 4 motif peoni. Motif bunga *Olea Fragens* dan Orkid masing-masing mempunyai jumlah sebanyak 10 motif dan Masjid Kampung Keling adalah masjid yang mendominasi jumlah terbesar motif bunga iaitu 10 motif *olea fragens* dan 6 motif orkid. Manakala 4 orkid yang selebihnya dipraktikkan di Masjid Tengker dan tidak terdapat motif *olea fragens* di kedua buah masjid kajian yang lain. Bunga kekwa berjumlah 8 motif boleh dilihat di Masjid Kampung Keling dengan angka penggunaan sebanyak 6 motif manakala selebihnya terdapat di Masjid Kampung Hulu. Bunga *Cassia* hanya mempunyai satu motif yang dipraktikkan di Masjid Kampung Keling sahaja.

#### **4.1.1 Analisis Motif Teratai**

Terdapat dua jenis teratai atau dalam bahasa Cina *hehua* atau *lianhua* yang dikenali banyak tumbuh di Melaka iaitu *Nelumbo Nucifera* dan *Nyampaea*

*Caerulea*.<sup>5</sup> Teratai jenis ini mempunyai kelopak bunga yang agak besar<sup>6</sup> dan tumbuh di kawasan lumpur seperti yang boleh dilihat di alam Melayu. Bunga teratai mempunyai semangat yang tidak boleh dicemari. Bunga ini juga hanya boleh dilihat di kawasan berpaya dan suram. Mengikut kebudayaan Cina bunga ini melambangkan dua erti iaitu kedamaian dan keharmonian serta nasib baik yang berulang. Teratai juga simbol kepada kesucian dan kesempurnaan.<sup>7</sup> Masyarakat Cina menjadikan teratai daripada spesis *Nelumbo Nucifera* ini sebagai asas utama di dalam kesenian Cina.<sup>8</sup> Menurut Jessica Rawson<sup>9</sup> bunga teratai sememangnya mewakili agama Buddha namun hiasan daripada bunga ini bukan sahaja digunakan untuk agama Buddha tetapi juga dijadikan motif kerana tarikan yang ada pada bunga itu telah meruntun para seniman untuk menjadikannya sebagai motif hiasan.<sup>10</sup>

Selain menjadi simbol kepada musim panas teratai daripada spesis ini juga memberi manfaat yang banyak daripada sudut kesihatan dan pemakanan dalam kehidupan seharian masyarakat ini. Antaranya seperti daun dan buah dijadikan makanan, kelopak bunga digunakan sebagai adunan untuk menghasilkan racun semulajadi, bunga teratai kuning yang telah dikeringkan dijadikan alat kosmetik, benih dimanfaatkan dalam bidang perubatan dan dimasukkan ke dalam sup bagi mengubati penyakit sendi.<sup>11</sup> Sehubungan itu, bunga ini diabadikan dalam bentuk kesenian termasuklah lukisan, permaidani, seni bina, ukiran pada bangunan dan hiasan seramik bagi memperingati manfaat bunga ini.

---

<sup>5</sup> Puan Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Pegawai Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur) dalam temubual bersama penulis, 15 Februari 2012

<sup>6</sup> Ong Hean-Tatt, *Chinese Plant Symbolism, A Guide To The Symbolic Value Of Plants In Chinese Culture*, 56.

<sup>7</sup> C.A.S Williams, *Chinese Symbolism and Motifs*, (Charles E. Tuttle Company: Japan, 1974), 257.

<sup>8</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art: A Guide To Motifs And Visual Imagery*, 27.

<sup>9</sup> Dame Jessica Rawson merupakan sejarawan seni dan mempunyai kepakaran dalam bidang seni Cina, seni Inggeris dan berperanan sebagai kurator dan pentadbir akademik. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai naib pro-canselor di Universiti Oxford.

<sup>10</sup> Jessica Rawson, *Chinese Ornament: The Lotus and the Dragon*, (British Museum Publications Limited: London, 1984), 31.

<sup>11</sup> C.A.S. William, *Chinese Symbolism and Motifs*, 256.



Bahagian komponen masjid yang mempunyai motif teratai di ketiga buah masjid boleh dilihat secara khusus pada komponen mahkota atap, menara masjid, ukiran di antara lapisan bumbung meru, perabung bumbung, pintu gerbang dan tembok masjid. Manakala di bahagian dalam komponen masjid motif teratai didapati pada komponen mimbar dan mihrab. Secara keseluruhan motif teratai di tiga masjid ini mencatat jumlah yang paling tinggi iaitu 157 motif. Penulis telah mengklasifikasikan bentuk dan jenis teratai mengikut kategori yang berbeza. Terdapat 11 bentuk teratai yang telah dikenalpasti dan bentuk-bentuk ini mewakili keseluruhan motif teratai di tiga masjid kajian.

a) Bentuk 1 (Sisi Teratai)

Bunga teratai yang ditampilkan daripada sudut sisi ini berada di bahagian lapisan bumbung masjid dengan jumlah yang terbanyak. Bunga ini boleh dilihat pada setiap permukaan lapisan pertama dan kedua bumbung masjid. Motif bunga teratai ini boleh dilihat dalam bentuk kuntuman bunga yang berangkai dengan tangkai dan berhubung dengan kelopak yang lain. Teratai jenis ini banyak dipraktikkan dibahagian bumbung dan mimbar masjid. Masjid Kampung Keling merupakan satu-satunya masjid yang mengaplikasikan teratai dalam bentuk satu sebagai ornamen manakala dua buah masjid lagi tidak ditemui teratai dalam bentuk ini.


Rajah 4.1 Bunga Teratai di MKK



b) Bentuk 2 (Permukaan Kelopak Teratai)

Teratai jenis ini menampilkan bunga daripada sudut permukaan. Benih bunga teratai boleh dilihat di bahagian tengah dan dikelilingi oleh kelopak bunga ini. Ukiran kuntuman permukaan kelopak teratai ini banyak didapati pada bahagian bumbung masjid. Motif teratai dalam bentuk dua ini boleh didapati di Masjid Kampung Keling sahaja.

Rajah 4.2 Bunga Teratai di MKK dan Seramik Cina di Muzium China



c) Bentuk 3 (Gulungan Teratai)

Gulungan teratai terhasil daripada hujung kelopak bunga teratai yang terdapat pada takhta bunga teratai atau *padmasana*. Ianya boleh terhasil dalam pelbagai bentuk tetapi permulaannya pasti dengan penghujung kelopak bunga teratai dalam keadaan terbalik.<sup>12</sup> Gulungan teratai sering dijadikan sebagai hiasan di dalam kuil-kuil tua Buddha.<sup>13</sup> Walaupun bunga teratai menurut masyarakat Cina adalah simbol Buddha, namun negara luar menganggapnya sebagai satu bentuk hiasan motif yang sangat cantik dan mampu menarik minat penggemar hiasan bunga. Hiasan bunga teratai beralun ini sering dijadikan hiasan pada porselin yang dieksport ke luar negara Islam.<sup>14</sup>

<sup>12</sup> Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, (Graham Brash: Singapore, 1977), 99.

<sup>13</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 27.

<sup>14</sup> Jessica Rawson, *Chinese Ornament*, 31.

Gambar 4.1 Gulungan Bunga Teratai di Pintu Gerbang MKK



Motif teratai dalam bentuk gulungan atau *lotus scroll* boleh dilihat di pintu gerbang masjid. Fungsinya sebagai dekorasi hiasan dapat dilihat pada bahagian sempadan objek sama ada dalam keadaan menegak atau melintang. Motif gulungan teratai dalam bentuk tiga ini boleh didapati pengaplikasiannya di Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu.

d) Bentuk 4 (Teratai Terbalik)

Penggunaan buah buton berbentuk teratai bermula sejak awal abad ke-18M lagi dan merupakan hasil tangan kesenian dan pertukangan Cina.<sup>15</sup> Hasil tinjauan penulis mendapati buah buton teratai ini banyak ditemui di tokong Cina iaitu di pintu gerbang tokong dan di bahagian meja sembah di sekitar Melaka, masjid di China, masjid di tertua di Kelantan dan perabot rumah masyarakat Baba dan Nyonya.

Motif teratai dalam keadaan terbalik atau lebih dikenali sebagai buah buton ini terdapat di pintu gerbang Masjid Kampung Keling dan diwarnakan dengan warna coklat gelap. Teratai ini berasal daripada jenis *Nelumbo Nucifera* berdasarkan kepada empat kelopak bunga yang besar kemudian dilapisi lapan kelopak kecil bunga teratai. Bahagian bawah sekali merupakan permukaan bunga teratai. Selain daripada Masjid Kampung Keling, Masjid Tengkeru dan Masjid Kampung Hulu turut mengaplikasikan motif teratai dalam bentuk empat terutamanya di bahagian mimbar masjid.

---

<sup>15</sup> Ismail Said, *Spesis-spesis Kayu Dalam Seni Ukiran Melayu*, (Skudai: UTM 2001), 21.


Rajah 4.3 Teratai Terbalik di Pintu Gerbang MKK dan di TCHT



e) Bentuk 5 (Teratai Menjalar)

Teratai dalam bentuk menjalar dari pasu 'layer vase' ini boleh dilihat pada tiang mimbar. Bunga ini diukir menjalar dari pasu dan naik ke atas sehingga ke penghujung tiang. Selain daripada bunga terdapat juga hiasan daun yang diukir dan dihubungkan dengan batang pokok bunga ini. Bunga dalam bentuk lima ini boleh dilihat di Masjid Kampung Keling, Masjid Tengkeru dan Masjid Kampung Hulu.

Rajah 4.4 Teratai Menjalar di Mimbar MKK



f) Bentuk 6 (Mahkota Teratai)

Motif teratai yang terdapat di makara mimbar ini merupakan sekuntum teratai dengan saiz yang besar dan di bahagian kiri dan kanan bunga ini terdapat gulungan

bunga teratai yang ditampilkan seperti daun. Bunga teratai dalam bentuk mahkota ini banyak didapati di rumah ibadat Cina dan rumah kediaman masyarakat Baba dan Nyonya.<sup>16</sup> Kebanyakan mahkota teratai diukir pada bahagian pintu gerbang bagi memperlihatkan keunikan bunga ini sebagai ornamen yang menarik dan cantik kepada tetamu yang bertandang. Masjid yang menggunakan motif teratai dalam bentuk enam ini ialah Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker.

Rajah 4.5 Mahkota Teratai Pada Mimbar MT



g) Bentuk 7 (Tingkat Teratai Kehidupan)

Tiang yang mempunyai tiga lapisan teratai dalam keadaan berbeza ini mempunyai keunikan tersendiri kerana setiap lapisan menggambarkan makna tertentu. Lapisan yang pertama menampilkan sekuntum bunga teratai pada puncak gunung dan di bawah gunung. Lapisan yang kedua merupakan sekuntum bunga teratai yang didukung oleh tangkai bunga yang kelihatan seolah-olah badan manusia. Manakala lapisan yang terakhir kelihatan kelopak bunga teratai yang kembang mekar beserta tangkai bunga. Kesucian bunga ini dikatakan mempunyai kaitan dengan agama Buddha dan bunga ini dipercayai menghubungkan tiga perkara utama iaitu bumi, tanah dan air.

Tumbuhan ini juga dikaitkan dengan kelahiran semula kerana ianya akan menguncup pada waktu malam dan mekar kembali menjelang subuh. Berdasarkan kepada kitaran kehidupan yang menjadi pegangan masyarakat Buddha, teratai dalam tiga peringkat ini menggambarkan tiga tahap kehidupan. Lapisan pertama bunga teratai

---

<sup>16</sup> Sila lihat lampiran R

diukir di atas gunungan bagi menggambarkan kehidupan seorang manusia atau dewa yang telah mencapai tahap karma dan berada di kedudukan yang tinggi. Lapisan kedua terdapat ukiran kuntuman bunga teratai sebagai kepala yang didukung oleh tubuh manusia ini menggambarkan alam kehidupan di atas bumi. Manakala lapisan akhir merupakan ukiran teratai dan daun yang menggambarkan kehidupan yang paling rendah terdiri daripada haiwan dan tumbuhan.<sup>17</sup> Penggunaan teratai dalam bentuk tujuh boleh didapati di Masjid Tengkerah sahaja.

Rajah 4.6 Tiga Lapisan Teratai di Tiang MT




h) Bentuk 8 (Teratai Menguncup)

Rajah 4.7 merupakan bunga teratai (*nelumbo nucifera*) dalam keadaan menguncup dan dikelilingi daun teratai. Motif ini berada di bahagian sisi mimbar masjid. Pengaplikasian teratai dalam bentuk lapan dilihat pada Masjid Kampung Keling sahaja.

<sup>17</sup> Haziyah Hussein, *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2006), 51.

Rajah 4.7 Kuntuman Teratai di MKK



i) Bentuk 9 (Teratai Seramik)

Bunga teratai diukir pada seramik Cina yang berwarna hijau ini boleh dilihat dalam dua keadaan. Pertama bunga teratai dengan empat kelopak besar dalam bentuk empat segi sama manakala teratai kedua dalam kelopak kecil berada di bahagian tengah seramik. Teratai seramik ini penulis temui banyak di tokong Cina, masjid di negara China dan di rumah kediaman Baba dan Nyonya yang berfungsi sebagai tembok di kawasan sekitar rumah. Teratai yang diperbuat daripada seramik ini boleh dilihat dalam jumlah banyak di Masjid Kampung Keling yang berfungsi sebagai penghadang kepada kawasan kubur. Teratai dalam bentuk sembilan hanya terdapat di Masjid Kampung Keling sahaja.

Rajah 4.8 Teratai Seramik di MKK




j) Bentuk 10 ( Teratai Pembuka dan Penutup)

Penggunaan motif teratai sebagai penutup dan pembuka pada permukaan pasu sering dipraktikkan pada seramik Cina. Motif pasu yang terdapat pada sisi mimbar



Masjid Tengkerah ini mempunyai tiga kelopak teratai yang berfungsi sebagai pembuka pada permukaan pasu manakala tiga lagi kelopak berperanan sebagai penutup. Teratai bentuk sepuluh hanya terdapat di Masjid Tengkerah sahaja.

Rajah 4.9 Pasu di MT dan seramik Cina Dinasti Ming di PERZIM



k) Bentuk 11 (Teratai Pada Permukaan Air)

Melihat kepada gambar bunga teratai yang diukir di sisi mimbar masjid ini digambarkan seperti berada di atas permukaan air. Pada bahagian tengah kelihatan kuntuman bunga teratai dalam kelopak yang terbuka dan dilapisi oleh lebar daun teratai sebagai tapak alas bunga ini. Bunga dan daun ini didokong oleh batang bunga yang panjang dan biasanya batang bunga ini berada di dalam air manakala bunga dan daun teratai berbentuk lebar berada di permukaan air. Teratai bentuk ini hanya terdapat di Masjid Kampung Keling sahaja.

Rajah 4.10 Ukiran Teratai Pada Permukaan Air di MKK





#### 4.1.2 Analisis Motif Plum

Asal usul bunga plum atau *meihua* adalah dari negara China dan diperkenalkan ke Jepun, Vietnam dan Taiwan. Motif bunga plum mencatatkan jumlah kedua terbesar penggunaannya terutamanya pada komponen mimbar dan bumbung masjid dengan jumlah keseluruhan 46 motif. Bunga plum Cina sangat mudah dikenalpasti kerana ianya berwarna merah jambu, putih dan merah.<sup>18</sup>

Daripada aspek kebudayaan, bunga ini melambangkan keberanian dan kecantikan dalaman<sup>19</sup> serta dikaitkan dengan kejelitaan dan kesucian. Bunga ini juga menjadi simbol kepada ketabahan, kesucian, kecantikan, harapan dan keabadian serta mewakili prinsip-prinsip kebaikan manusia. Bagi masyarakat Cina bunga plum turut mewakili musim sejuk. Hasil kajian mendapati, bunga plum pasti akan diukir bersama bunga yang mewakili musim lain seperti teratai yang mewakili musim panas, peoni mewakili musim bunga dan kekwa mewakili musim luruh. Bunga plum yang mewakili musim sejuk ini adalah satu-satunya bunga yang akan kembang mekar di musim sejuk sedangkan bunga-bunga lain akan layu dan tidak berbunga. Keadaan ini sudah tentu tidak membantu bunga ini untuk tumbuh di alam Melayu dan Melaka khususnya memandangkan ketidak sesuaian cuaca yang panas dan lembap sepanjang tahun.

Mengikut pemerhatian, ketiga buah masjid kajian ini dihias dan diukir dengan motif bunga plum terutamanya di bahagian mimbar masjid dengan jumlah pengaplikasian yang besar. Berdasarkan jumlah penggunaan bunga ini, penulis berpendapat pengaplikasian motif plum sebagai hiasan adalah kerana sifat bunga ini yang cekal kerana mampu bertahan dalam cuaca sejuk sedangkan bunga-bunga yang lain akan layu apabila tiba musim ini. Hiasan bunga plum di dalam masjid kajian juga bersesuaian dengan sifat ketahanan yang dimiliki oleh masyarakat Cina yang merantau

---

<sup>18</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 38.

<sup>19</sup> C.A.S Williams, *Chinese Symbolism and Motifs*, 192.

ke luar dari negeri sendiri bagi mencari rezeki. Walaupun terpaksa menghadapi pelbagai kesusahan tetapi semangat yang kental meruntun mereka untuk terus cecal. Kenyataan tersebut turut dipersetujui oleh Sami Tan Siew Ming ketika temubual penulis bersama beliau.<sup>20</sup> Berdasarkan kepada kajian lapangan, premis perniagaan orang Cina pasti dihias pasu bunga yang dipenuhi bunga plum plastik diletakkan pada satu sudut dinding kedai. Tujuan bunga tersebut diletakkan di dalam kedai adalah untuk memohon kekayaan dan keuntungan dalam perniagaan mereka.<sup>21</sup> Secara keseluruhan, sebanyak 46 motif bunga plum dengan 9 reka bentuk ukiran bunga plum yang mempunyai keunikan ukirannya tersendiri telah dikenal pasti sekaligus mewakili keseluruhan jumlah bunga plum yang terdapat di tiga masjid kajian.

a) Bentuk 1 (Jambangan Plum)

Bunga Plum yang diukir dalam bentuk *chien nien* ini boleh dilihat ukirannya dalam bentuk yang hampir antara satu sama. Ukiran bunga ini ditampilkan dalam bentuk jambangan bunga plum yang mempunyai lima kelopak bunga plum yang dihubungkan dengan ranting pokok. Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker mengaplikasikan bunga plum dalam bentuk satu sebagai ornamen di bahagian mimbar dan bumbung masjid.

---

<sup>20</sup> Tan Siew Ming (Sami Tokong Cina di Bukit Cina Melaka) dalam temubual bersama penulis, 14 Oktober 2013

<sup>21</sup> *Ibid.*

Rajah 4.11 Jambangan Plum di MKK dan di Perabot Antik Zaman Dinasti Ming



b) Bentuk 2 (Cerminan Motif Bunga Plum)

Motif bunga plum yang terdapat pada makara mimbar masjid ini menggunakan gaya cerminan imej. Ukiran ini memperlihatkan bahagian pangkal pokok yang menjadi asas kepada perkembangan pokok. Hal ini berdasarkan kepada pangkal pokok yang mempunyai daun seperti rumput. Terdapat dua dahan berbunga dan kedua dahan ini mempunyai bunga plum yang kembang dan putik bunga yang masih menguncup. Motif pokok plum kiri adalah cerminan imej kepada motif sebelah kanan. Motif bunga plum dalam bentuk dua boleh dilihat di Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu.

Rajah 4.12 Bunga Plum di MKK



c) Bentuk 3 (Pokok Bunga Plum Bercabang)

Rajah 4.13 merupakan motif bunga plum yang diukir dalam bentuk pokok manakala bunga dan putik plum ini dihubungkan oleh ranting pokok yang berasal daripada pangkal pokok plum. Masjid Tengkeria merupakan satu-satunya masjid yang mengaplikasikan bunga plum dalam bentuk tiga ini. Batang pokok ini juga diukir secara bercabang sesuai dengan sifat bunga ini.


Rajah 4.13 Bunga Plum di MT



d) Jenis 4 (Bunga dan Daun Plum)

Motif Plum ini boleh dilihat pada bingkai mimbar masjid. Kedudukan bunga plum dalam bentuk tunggal ini memperlihatkan perbezaan dengan bunga plum yang lain. Setiap petak menampilkan kelopak bunga plum yang dihiasi daun tanpa ada batang pokok bunga. Penggunaan motif plum dalam bentuk empat hanya terdapat di Masjid Tengkeria dan Masjid Kampung Hulu sahaja.

Rajah 4.14 Motif Plum Pada Bingkai Mimbar MKH



e) Bentuk 5 (Kelopak Bunga Plum)

Jika dilihat kepada motif bunga plum daripada jenis lain pasti akan terdapat putik plum dan bunga yang dihubungkan dengan ranting pokok yang tajam. Motif plum

di bahagian kepala mimbar ini hanya menampilkan kuntuman bunga plum dengan jumlah yang banyak dan setiap daripada bunga ini dihubungkan dengan batang bunga tetapi tidak berbentuk tajam dan bercabang. Bunga yang ditampilkan ini kesemuanya dalam keadaan kembang mekar. Penggunaan motif plum dalam bentuk lima hanya terdapat di Masjid Tengkeri dan Masjid Kampung Hulu sahaja.


Gambar 4.2 Kelopak Bunga Plum pada mimbar MT



f) Bentuk 6 (Plum Menjalar)

Tiang mimbar masjid sebenarnya berkedudukan menegak tetapi bagi memudahkan pemerhatian, penulis telah meletakkan gambaran tiang ini dalam posisi mendatar. Sifat ranting bunga yang bercabang dan tajam serta bunga plum yang memiliki lima kelopak dapat dilihat pada tiang mimbar masjid. Selain itu, putik plum juga boleh dilihat berhampiran dengan ukiran bunga plum. Mengikut pemerhatian, hanya Masjid Kampung Hulu sahaja yang mengaplikasikan motif plum bentuk enam sebagai hiasan yang berfungsi sebagai pendukung bumbung mimbar.


Rajah 4.15 Plum Menjalar di MKK



g) Bentuk 7 (Pokok Bunga Plum Ranting Bersilang)

Jika dilihat motif bunga plum di bahagian kaki mimbar masjid, bunga ini berada dalam kedudukan tunggal dan dihubungkan dengan ranting pokok plum yang ditampilkan dalam keadaan bersilang. Putik bunga plum juga boleh dilihat pada ranting pokok plum yang bersilang tersebut. Secara realitinya, ranting pokok bunga plum tidak bersilang tetapi lebih kepada bercabang, tajam dan meruncing rantingnya. Penulis berpendapat pengukir yang mengilhamkan pokok bunga plum dalam situasi ini sekadar untuk menampilkan sesuatu yang berbeza daripada aspek kesenian Cina yang biasa dilihat. Keunikan bunga ini ternyata cantik dan menarik perhatian kerana penampilannya yang jelas berbeza daripada ukiran pokok bunga plum lain. Motif bentuk tujuh ini hanya didapati di Masjid Kampung Hulu sahaja.

Rajah 4.16 Pokok Plum Bersilang di MKK



#### h) Bentuk 8 (Putik dan Bunga Plum)

Sisi mimbar masjid ini menampilkan bunga plum dalam dua situasi yang berbeza. Situasi pertama ialah keadaan putik bunga plum yang masih belum berkembang untuk membentuk kelopak bunga, manakala situasi yang kedua ialah bunga plum dalam keadaan kembang mekar dari ranting pokok tersebut. Berdasarkan kepada falsafah Cina, gambaran bunga ini dalam dua situasi berbeza memberi makna yang baik. Menurut Sami Tan Siew Ming, ukiran bunga plum yang ditampilkan dalam dua situasi ini menggambarkan kehidupan seorang yang telah berakhir di dunia dan menjalani kehidupan baru melalui kelahiran semula. Berdasarkan kajian, penulis tidak pernah menemui motif bunga plum yang ditampilkan dalam bentuk berasingan daripada putiknya. Kebanyakan motif bunga yang terdapat di masjid negara China, tokong Cina, Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengkeria pasti ditampilkan bersama bunga dan putik pada satu batang pokok bunga. Tetapi berbeza sekali dengan motif bunga plum yang terdapat di Masjid Kampung Hulu yang diasingkan keduanya tetapi masih berada di lokasi berhampiran. Motif plum bentuk lapan ini hanya didapati di Masjid Kampung Hulu.

Rajah 4.17 Bunga dan Putik Plum



#### i) Bentuk 9 (Bunga Plum daripada Arah Permukaan dan Sisi)

Ukiran bunga plum yang berada di bahagian kanan boleh ditemui dalam jumlah besar di ketiga buah masjid kajian. Bunga ini ditampilkan daripada bahagian atas yang menonjolkan kelopak bunga yang diukir daripada batang pokok dan di bahagian bawah

bunga tersebut kelihatan seekor katak yang sedang bertenggek. Berbeza pula dengan ukiran bunga plum yang berada di bahagian kiri yang memperlihatkan ukiran bunga plum yang diukir pada batang pokok dan bunga ditampilkan daripada arah sisi. Kedudukan ukiran bunga seperti ini menampilkan bunga dalam keadaan mekar tetapi terhad daripada aspek visual kerana hanya kelihatan bunga daripada arah sisi sahaja. Bunga dalam bentuk sembilan ini hanya didapati di Masjid Tengkerah sahaja.

Rajah 4.18 Bunga Plum di MT



### 4.1.3 Analisis Motif Peoni

Motif bunga peoni merupakan motif ketiga terbanyak penggunaannya dengan jumlah 20 motif. Bunga peoni dikenali sebagai *mudan* atau *funguihua* dalam bahasa Cina dan berperanan sebagai raja kepada segala bunga dan tumbuh sewaktu musim bunga.<sup>22</sup> Ia juga dikenali sebagai *Luoyang* kerana berasal daripada daerah Luoyang, China. Peoni hanya sekadar pokok bunga yang kecil tetapi menghasilkan bunga yang berkembang dengan besar serta memiliki warna-warna yang menarik. Berdasarkan kajian ke atas motif Cina pada tiga buah masjid ini, bunga peoni tidak pernah diukir dalam keadaan layu dan sentiasa ditampilkan dalam keadaan mekar. Menurut fahaman masyarakat Cina bunga peoni yang mekar akan memberi banyak manfaat kepada

<sup>22</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 36.



pemilik atau masyarakatnya tetapi seandainya bunga tersebut dilihat layu itu memberi erti bahawa suatu bencana akan melanda.<sup>23</sup>

Daripada aspek kebudayaan, bunga peoni memberi makna simbolik yang baik kepada pemiliknya iaitu kehormatan, kasih sayang dan kekayaan.<sup>24</sup> Masyarakat Cina sangat suka kepada bunga ini dan kesan penggunaannya boleh dilihat pada tekstil, seramik Cina, skrol dan juga pada barang kegunaan harian masyarakat Cina. Bunga ini juga menjadi bunga kegemaran Maharani China iaitu Dawager Cixi. Oleh kerana bunga ini memberi makna yang baik dan mengangkat status pemiliknya, ianya telah mendorong kerajaan Qing (1644M-1911M) mengangkat peoni sebagai bunga kebangsaan negara China.<sup>25</sup> Selain mempunyai warna yang menarik dan pelbagai, bunga ini juga turut menggambarkan keindahan sifat wanita.<sup>26</sup> Sebanyak 20 motif peoni yang telah direkodkan dan penulis telah mengenalpasti 7 jenis reka bentuk ukiran bunga peoni dan bilangan ini mewakili jumlah keseluruhan bunga peoni yang telah dipraktikkan di tiga buah masjid kajian.

a) Bentuk 1 (Ukiran Peoni Timbul)

Bunga peoni ini ditampilkan dalam bentuk *chien nien* yang boleh dilihat ukirannya secara timbul dan berbentuk tunggal. Terdapat batang pokok bunga yang berfungsi menghubungkan antara satu bunga dengan bunga yang lain. Ukiran daun boleh dilihat pada batang pokok tersebut. Motif peoni bentuk satu ini hanya terdapat di Masjid Kampung Keling sahaja.

---

<sup>23</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Motifs*, 324.

<sup>24</sup> Lou Qingxi, *The Architecture Art of Ancient China*, (China Intercontinental Press: China, 2002), 12.

<sup>25</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 36.

<sup>26</sup> "Penulis tidak diketahui," *Six Centuries of Islamic Art in China*, (Muzium Kesenian Islam: Kuala Lumpur, 2001), 72.

Rajah 4.19 Ukiran Peoni Timbul di MKK



b) Bentuk 2 (Kuntuman Peoni Tunggal)

Bunga peoni yang terdapat pada hiasan seramik Cina ini ditampilkan dalam bentuk tunggal tanpa dihubungkan dengan sebarang dahan. Di bahagian tepi bunga peoni ini terdapat motif teratai. Gabungan kedua bunga ini menzahirkan makna yang berbeza seperti kejayaan, kuasa dan harta.<sup>27</sup> Bunga peoni bentuk dua ini terdapat di Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker.

Rajah 4.20 Hiasan Peoni Tunggal di MKK



c) Bentuk 3 (Sisi Peoni)

Bunga peoni yang ditampilkan daripada sudut sisi ini sangat menarik kerana ukiran bunga ini memperlihatkan motif peoni yang berbeza daripada motif peoni yang lain. Bunga peoni ini diukir bersama beberapa helaian daun yang dapat dilihat disekitar

<sup>27</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 36.

bunga ini. Motif bunga peoni dalam bentuk tiga ini hanya didapati di Masjid Kampung Keling sahaja.


Rajah 4.21 Sisi Peoni di MKK



d) Bentuk 4 (Pangkal Pokok Bunga Peoni)

Terdapat tiga kuntum bunga peoni yang berada di atas satu cabang batang pokok sama yang tumbuh daripada pangkal akar. Di sekitar bunga ini terdapat helaian daun bunga ini. Motif peoni dalam bentuk empat ini hanya didapati di Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu.

Rajah 4.22 Pangkal Pokok Bunga Peoni di MKK



e) Bentuk 5 (Jambangan Peoni)

Bunga peoni yang terdapat di sisi mimbar ini mempunyai lima kuntum bunga peoni. Satu kuntum peoni ditampilkan dalam bentuk yang besar dan dikira sebagai motif utama. Empat lagi motif peoni diukir dalam bentuk yang kecil dan dihubungkan

dengan dahan dan ranting pokok bunga ini. Motif peoni bentuk lima ini boleh didapati di Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu.

Rajah 4.23 Lima Kuntum Peoni di MKH



#### 4.1.4 Analisis Motif Kekwa

Penggunaan bunga kekwa atau *ju* sebagai hiasan di dalam masjid kajian berjumlah sebanyak 8 motif. Asal usul bunga kekwa adalah dari Asia Timur, spesis kekwa yang pelbagai dan menarik didapati di negara China. Bunga kekwa dikatakan akan berbunga pada bulan september ketika musim luruh dan mewakili musim tersebut kerana secara tradisinya bunga ini akan berkembang dengan cantiknya sewaktu bunga-bunga lain layu.<sup>28</sup> Sewaktu zaman pemerintahan Dinasti Ming, bunga kekwa akan dihias di sekitar istana atas kehendak Maharaja China.<sup>29</sup>

Mengikut kebudayaan Cina, bunga peoni memberi maksud kedamaian dan hidup yang panjang kerana kekwa akan berbunga pada musim luruh sedangkan bunga-bunga lain gugur.<sup>30</sup> Bunga kekwa melambangkan semangat persahabatan dan seorang yang bersemangat waja untuk mengejar ilmu pengetahuan dan bukan kekayaan semata-mata. Selain itu, bunga kekwa juga merupakan simbolik kepada kehidupan sewaktu tua, selepas bersara atau kehidupan pertengahan.<sup>31</sup> Bunga ini menjadi kegemaran masyarakat

<sup>28</sup> C.A.S Williams, *Chinese Symbolism and Motifs*, 69.

<sup>29</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 24.

<sup>30</sup> "Penulis tidak diketahui," *Six Centuries of Islamic Art in China*, 72.

<sup>31</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 24.

Cina kerana sifatnya yang abadi dan akan luruh dengan penuh maruah dan rahmat.<sup>32</sup> Sebanyak 8 motif kekwa yang telah direkodkan dan terdapat 2 reka bentuk bunga kekwa yang ditampilkan dalam bentuk visual yang berbeza dan bilangan ini mewakili jumlah keseluruhan bunga kekwa di tiga masjid kajian.

a) Bentuk 1 (Ukiran Kekwa Timbul)

Motif bunga kekwa diukir dengan teknik *chien nien* ini ditampilkan dalam bentuk timbul dan jelas ukiran setiap kelopak bunganya. Terdapat ukiran daun dan batang bunga yang menghubungkan bunga kekwa ini dengan bunga yang kedua. Motif kekwa dalam bentuk satu ini hanya didapati di Masjid Kampung Keling sahaja.

Rajah 4.24 Ukiran Kekwa Timbul




b) Bentuk 2 (Pokok Bunga Kekwa)

Bunga kekwa yang terdapat di sisi mimbar Masjid Kampung Hulu ini ditampilkan dalam bentuk pokok. Terdapat dua kuntum bunga kekwa yang dihubungkan dengan batang pokok. Pada batang bunga tersebut terdapat ukiran daun yang berbentuk tirus. Ukiran bunga kekwa pada sisi mimbar ini dilihat mempunyai persamaan dengan hiasan bunga kekwa yang terdapat di Tokong Cheng Hoon Teng (TCHT) Melaka. Motif kekwa bentuk dua hanya terdapat di Masjid Kampung Hulu.

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, 25.

Rajah 4.25 Dua Kuntum Kekwa di MKH dan di TCHT



#### 4.1.5 Analisis Motif Bunga Olea Fragrans


Motif Olea Fragrans atau *guihua* merupakan spesies bunga yang berasal dari Asia melalui Selatan Cina iaitu daerah Guizhou, Suichian dan Yunnan. Bunga ini juga diperkenalkan ke Taiwan dan Jepun. Bunga yang hanya mempunyai empat kelopak ini turut mewakili musim luruh bagi masyarakat Cina. Selain itu, kelopak bunga ini juga turut diletakkan di dalam teh dengan tujuan menghasilkan aroma yang wangi. Bunga ini juga turut dijadikan sebagai motif dalam hiasan Cina.<sup>33</sup> Penulis banyak menemui motif Olea Fragrans yang digunakan sebagai bunga hiasan masjid di China seperti Masjid Huaisheng (MH), di tokong Cina, rumah masyarakat Baba dan Nyonya dan perabot antik daripada zaman Dinasti Ming. Secara keseluruhan terdapat hampir 10 motif Olea Fragrans telah direkodkan di tiga buah masjid kajian dan terdapat 2 reka bentuk motif Olea Fragrans yang menampilkan imej visual yang berbeza. Dua reka bentuk ini mewakili keseluruhan bilangan motif bunga Olea Fragrans di tiga masjid kajian.

##### a) Bentuk 1 (Kelopak Olea Fragrans)

Ukiran bunga Olea Fragrans dalam teknik *chien nien* ini diukir di atas permukaan dinding batu masjid. Terdapat empat kelopak bunga tanpa sebarang daun atau batang bunga yang hanya didapati di Masjid Kampung Keling sahaja.

<sup>33</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 298.

Rajah 4.26 Motif Olea Fragrans di MKK dan di MH



b) Bentuk 2 (Bunga dan Daun Olea Fragrans)

Motif Olea Fragrans ini boleh dilihat pada mimbar Masjid Kampung Keling yang diukir dengan empat kelopak bunga. Terdapat daun yang terselit di sebalik ukiran bunga ini. Motif olea fragrans dalam bentuk dua ini hanya didapati di Masjid Kampung Keling sahaja.

Rajah 4.27 Motif Olea Fragrans di MKK



#### 4.1.6 Analisis Motif Bunga Cassia

Bunga Cassia China (*Cinnamon China*) atau *gui*pi berasal dari Selatan China. Keunikan bunga ini telah tersebar luas ke seluruh negeri China sehingga ke negara Asia Timur yang lain. Oleh kerana bunga ini mempunyai bau yang harum, ianya digunakan sebagai herba di dalam masakan. Bunga ini juga memberi manfaat besar dalam perubatan Cina untuk merawat penyakit homopaties. Bunga Cassia ini sering dikaitkan dengan kejayaan. Menurut tukang kayu Cina, sekiranya bunga ini diukir di bahagian bumbung kediaman ianya akan menjadi tuah atau nasib baik serta memberi kejayaan

kepada penghuni rumah tersebut.<sup>34</sup> Bunga ini juga dikaitkan dengan sarjana yang menuntut ilmu.<sup>35</sup> Berdasarkan pemerhatian, lokasi bunga ini berada di bahagian bumbung masjid sesuai dengan makna falsafah Cina. Selain itu ukiran bunga cassia pada dinding Masjid Kampung Keling ini juga ditampilkan dalam bentuk jambangan bunga dan terdapat ukiran daun di atas batang bunga ini. Motif bunga Cassia hanya terdapat di Masjid Kampung Keling dengan hanya satu motif sahaja dan bunga ini juga digabungkan motif arnab.

Rajah 4.28 Ukiran Bunga Cassia di MKK



#### 4.1.7 Analisis Motif Bunga Orkid

Motif bunga orkid atau *lanhua*, *shanlan*, *youlan* dan *zhilan* boleh didapati di Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker. Secara keseluruhan terdapat 10 motif bunga orkid, 6 daripadanya berada di Masjid Kampung Keling manakala 4 lagi terdapat di Masjid Tengker. Masjid Kampung Hulu adalah satu-satunya masjid kajian yang tidak mempunyai motif bunga ini. Oleh kerana mempunyai bau yang wangi, bunga ini dikaitkan dengan wanita, kasih sayang, kecantikan dan kesuburan. Selain itu bunga ini juga mewakili simbol maruah, moral dan kehebatan,<sup>36</sup> kasih sayang, kesopanan, kesempurnaan, kecantikan serta keturunan.<sup>37</sup> Orkid dikaitkan dengan musim panas dan

<sup>34</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 24.

<sup>35</sup> Ong Hean-Tatt, *Chinese Plant Symbolism, A Guide To The Symbolic Value Of Plants In Chinese Culture*, (Selangor: Pelanduk Publication, 1999), 92.

<sup>36</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 34.

<sup>37</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 301.



dalam kesenian Cina orkid akan menggantikan bunga teratai kerana mewakili simbol yang sama.<sup>38</sup>

Motif bunga orkid yang terdapat di sisi mimbar Masjid Tengkeru ini mempunyai keunikan yang tersendiri. Hal ini kerana bunga orkid ini digabungkan dengan beberapa motif lain seperti motif kosmos, geometri, buah dan fenomena sehingga menghasilkan falsafah Cina yang menarik. Sepanjang kajian lapangan, penulis sering menemui gabungan motif seperti ini di rumah ibadat Cina dan masjid di negara China. Antaranya ialah di Tokong Bukit Cina (TBC), Melaka dan Masjid Saad Abi Waqas.

Rajah 4.29 Bunga Orkid di TBC dan di MT



Melihat kepada motif pasu, tanglung, buah-buahan kesemuanya mempunyai kaitan rapat dengan ajaran Buddha. Dalam setiap rumah ibadat Cina ketiga-tiga motif ini dijelmakan dalam bentuk visual nyata dan ditempatkan pada satu sudut tertentu. Pada kebiasaan pasu bunga yang dipenuhi dengan bunga akan ditempatkan berdekatan dengan tanglung yang digantungkan pada bumbung ataupun diletakkan dalam keadaan berdiri.<sup>39</sup> Oleh itu, apabila motif-motif ini ditampilkan dalam bentuk lukisan atau ukiran tanglung digantung pada dahan bunga seperti yang dapat dilihat pada mimbar Masjid Tengkeru dan pada rajah di Tokong Bukit China ini. Gabungan pasu, buah dan tanglung ini merupakan suatu kesinambungan kepada perkembangan ilmu pengetahuan dan

<sup>38</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 34.

<sup>39</sup> J.D. Vaughan, *The Manners and Customs of the Chinese of the Strait Settlement*, (Oxford University Press: London, 1879), 52.

mempunyai keserasian antara ketiganya dan kedudukan setiap motif ini juga berada di lokasi yang menepati makna dan falsafah Cina. Oleh itu gabungan ini menjadi pelengkap kepada penyampaian maksud dan falsafah Cina yang menganggap ilmu pengetahuan sebagai suatu keutamaan yang perlu dicapai dalam kehidupan.

#### **4.1.8 Rumusan**

Penggunaan motif bunga sebagai motif utama di dalam masjid dibenarkan dalam Islam walaupun bunga yang diserap masuk sebagai ornamentasi ini berunsurkan kebudayaan Cina. Walau bagaimanapun, kecantikan bunga ini tidak menjadi penghalang kepada penggunaannya sebagai hiasan. Kesemua tujuh jenis motif bunga yang berlatar belakangkan kebudayaan Cina ini boleh dilihat pada komponen luar dan dalam masjid. Berdasarkan kajian, empat jenis bunga yang mempunyai jumlah tertinggi iaitu teratai, plum, peoni dan kekwa sentiasa digabungkan di dalam setiap ukiran samaada di bahagian luar atau dalam masjid. Dalam seni lukis, seni ukir dan seni hias Cina, keempat-empat jenis motif ini biasanya digabungkan dalam satu masa kerana setiap jenis motif bunga ini mewakili setiap musim di Cina. Gabungan keempat bunga ini di dalam satu-satu masa memberi erti yang baik iaitu keberkatan, kekayaan, penghormatan dan pemeliharaan.

Hampir setiap permukaan dinding di bahagian bumbung masjid ini sempurna dengan empat bunga ini tetapi terdapat juga beberapa bahagian yang mempunyai hanya tiga motif bunga tetapi digantikan dengan motif lain. Komponen luar masjid yang mempunyai paling banyak motif bunga ialah di bahagian lapisan bumbung dan mahkota atap. Komponen dalam masjid yang mempunyai motif bunga terbanyak adalah mimbar. Kajian juga mendapati kesemua jenis bunga yang terdapat di tiga buah masjid ini merangkumi kesemua ciri-ciri penting dalam kehidupan masyarakat Cina iaitu

kekayaan, kejayaan, ilmu pengetahuan, tuah baik, perubatan, kesihatan, usia panjang dan kecantikan serta kehormatan.

## **4.2 Motif Haiwan**

Penggunaan haiwan sebagai motif hiasan adalah diharamkan dalam Islam, namun begitu penulis mendapati terdapat 8 jenis haiwan dan 53 motif haiwan yang ditampilkan secara visual dan terdapat juga ukiran haiwan yang tidak diukir secara jelas fizikalnya iaitu di bahagian luar masjid. Menurut Abdullah Yusof, ukiran haiwan tersebut dijejaskan secara sengaja bagi mengurangkan penonjolan imej haiwan berkenaan.<sup>40</sup> Penulis bersetuju dengan pandangan beliau kerana sepanjang pemerhatian penulis di rumah-rumah ibadat Cina motif haiwan diukir dan dilukis secara jelas fizikalnya tanpa menyamarkan imej haiwan tersebut. Bagi fahaman masyarakat Cina penggunaan bentuk haiwan sebagai motif dalam kesenian Cina memberi erti yang sangat besar dalam kehidupan mereka.

Bentuk-bentuk dan elemen Cina mengandungi pola dan simbol daripada makhluk bernyawa yang mempunyai maksudnya yang tersendiri ini berperanan sebagai penjaga keselamatan dan pembawa nasib baik. Penulis berpendapat tujuan motif haiwan ini digabungkan dengan motif lain adalah untuk mencapai maksud di sebalik falsafah setiap ukiran Cina. Dalam kesenian Cina haiwan akan digabungkan dengan tumbuhan bagi memperindahkan lagi kesenian mereka. Berdasarkan kepada kajian terdapat lima jenis haiwan yang digabungkan dengan tumbuhan daripada motif Cina. Antaranya motif arnab digabungkan dengan bunga Cassia, pegas dengan peoni, katak dengan bunga plum, rama-rama dengan peoni dan teratai. Akhir sekali ialah motif phoenix yang digabungkan dengan peoni.

---


<sup>40</sup> Dr. Abdullah Yusof (pensyarah kanan di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Universiti Malaya) dalam temubual bersama penulis, 29 Ogos 2013

Jadual 4.3: Motif Haiwan di Keseluruhan Tiga Buah Masjid Kajian

Jenis Haiwan	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengker	Masjid Kg. Hulu	Total
1. Naga	4	6	10	20
2. Ekor Layang-layang	2	8	/	10
3. Tapir	/	2	/	2
4. Katak	/	1	/	1
5. Rama-rama	2	/	/	2
6. Phoenix	/	/	16	16
7. Arnab	1	/	/	1
8. Pegar	1	/	/	1
Jumlah	10	17	26	53

Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Carta 4.3: Peratusan Keseluruhan Motif Haiwan di Tiga Buah Masjid Kajian



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Secara keseluruhan motif haiwan boleh dilihat sebanyak 53 motif daripada lapan jenis haiwan yang dijadikan hiasan dalam tiga buah masjid kajian. Masjid yang mempunyai jumlah motif haiwan terbesar ialah Masjid Kampung Hulu iaitu 26 motif bersamaan 44% tetapi hanya terdapat dua jenis haiwan sahaja yang digunakan sebagai hiasan iaitu Phoenix dengan jumlah 16 motif dan naga 10 motif. Masjid Tengkeri mempunyai jumlah kedua tertinggi iaitu 17 motif haiwan bersamaan 33% daripada 4 jenis haiwan. Burung layang-layang adalah jumlah tertinggi iaitu 8 motif diikuti naga 6 motif, tapir 2 motif dan satu motif katak. Masjid Kampung Keling pula mempunyai 10 motif haiwan bersamaan 22% dan terdapat 5 jenis haiwan yang dijadikan motif di masjid ini. Naga adalah yang tertinggi penggunaannya iaitu 4 motif, diikuti ekor burung layang-layang dua motif, rama-rama 2 motif, arnab satu motif dan pegar satu motif. Kesemua jenis motif haiwan ini boleh didapati di bahagian bumbung, pintu gerbang dan mimbar masjid kajian.

#### **4.2.1 Analisis Motif Naga**

Dalam sejarah Cina, naga atau *long* merupakan lambang kepada kerajaan dan Maharaja China khususnya. Naga adalah haiwan yang sangat penting dalam kehidupan orang Cina dan dianggap memiliki kuasa untuk mengubah sesuatu perkara dan memberi kebaikan. Dinasti Han adalah kerajaan pertama yang menjadikan naga sebagai simbol kerajaan dan diteruskan oleh Dinasti Ming dan Qing.<sup>41</sup> Motif ukiran naga mempunyai manifestasinya yang tersendiri bermula dengan lilitan tubuh naga, sisik, mata dan taring yang mempunyai keunikan yang tersendiri.<sup>42</sup>

---

<sup>41</sup> Roberta Helmer Satlberg, Ruth nesi, *A Mini-Encyclopedia of Chinese Crafts*, (Singapore: Tomes Books International, 1983), 54.

<sup>42</sup> Karsam, "Seni Ukiran Jepara Indonesia: Kajian Mengenai Ciri dan Motif" (tesis sarjana, Universiti Malaya, Akademi Pengajian Melayu, 1999), 169.

Haiwan ini adalah lambang kepada kebesaran<sup>43</sup> dan masyarakat Timur tidak pernah menganggap naga sebagai haiwan yang ngeri dan menakutkan seperti anggapan orang Barat yang membayangkan naga sebagai haiwan yang berkuasa jahat.<sup>44</sup> Secara umumnya, naga digambarkan sebagai haiwan yang besar, mempunyai kuku yang tajam serta dapat menghembuskan api daripada mulutnya. Terdapat dua bentuk naga yang sering digunakan dalam hiasan iaitu naga yang bersayap dan naga yang mempunyai badan yang bersisik serta panjang seperti ular dan mempunyai sepasang tangan dan kaki.<sup>45</sup> Haiwan ini dipercayai mempunyai tenaga yang berubah-ubah dan sangat berkuasa. Naga bukanlah makhluk yang menakutkan tetapi berperanan sebagai makhluk yang menjaga keselamatan harta benda. Selain itu, naga turut diketahui sebagai simbol kekuatan, keadilan dan kekuasaan.

Ukiran naga adalah salah satu kebudayaan dalam kehidupan masyarakat Cina. Haiwan kayangan ini dijadikan prinsip serta garis panduan dalam mereka bentuk bangunan. Dalam kesenian Cina, naga adalah merupakan haiwan yang paling popular dan banyak digunakan sebagai hiasan dan ragam hias. Motif naga akan diukir atau dilukis di bahagian yang tinggi sesuai dengan simbol pemerintah yang mempunyai kedudukan teratas dalam tangga pentadbiran. Motif ini juga diukir berhampiran dengan awan kerana dianggap hampir dengan syurga.<sup>46</sup> Sepanjang kajian lapangan, penulis mendapati motif naga diukir di bahagian bumbung, pintu gerbang dan dijadikan sulur bayur pada bumbung rumah ibadat Cina. Secara keseluruhan, motif naga telah direkodkan sebanyak 20 motif dan terdapat 2 reka bentuk naga yang diaplikasikan diketiga masjid. Bilangan ini mewakili kesemua motif naga di ketiga buah masjid kajian.

---

<sup>43</sup>Rini Trisulowati dan Imam Santoso, *Pengaruh Religi Terhadap Perkembangan Arsitektur: India, Cina dan Jepang*, (Graha Ilmu: Yogyakarta, 2008), 32.

<sup>44</sup> C.A.S Williams, *Chinese Symbolism and Motifs*, 132.


<sup>45</sup>Ros Mahwati Ahmad Zakaria, "Naga dalam Kesenian Islam," *Utusan Malaysia*, 20 Januari 2012

<sup>46</sup> Hugo Munsterberg, *Symbolism in Ancient Chinese Art*, 42.

a) Bentuk 1(Sisik dan Ekor Naga)

Sepanjang kajian lapangan di tiga masjid kajian, naga mempunyai motif sisik dan ekor naga yang boleh dilihat pada puncak mimbar masjid. Sisik naga ini bersambung daripada mahkota atap mimbar dan berakhir dengan ekor naga dan tidak terdapat sebarang bentuk yang berbentuk kepala naga. Penggunaan kepala naga sudah tentu memperlihatkan secara nyata bentuk haiwan tersebut yang boleh menimbulkan keraguan tetapi sisik naga dan ekor ini tidak menjadi sebarang masalah untuk dijadikan ornamen memandangkan sisik dan ekor ini hanya sebahagian daripada sifat fizikal haiwan ini. Dalam fahaman Cina, sisik naga memberi erti yang baik kerana dikaitkan dengan kesuburan dan simbol kekuasaan. Menurut lagenda China, seorang pemerintah akan lahir bersama sisik naga sebagai tanda bahawa bayi yang lahir itu adalah pewaris kepada kerajaan.<sup>47</sup>

Rajah 4.30 Lakaran Naga dan Sisik Ekor Naga di MKH



Gabungan sisik dan ekor naga dengan mahkota atap yang menyerupai takhta Buddha yang mempunyai bentuk besar dan dilapisi bunga teratai dalam kedudukan mendatar dengan kelopak teratai boleh dilihat pada bahagian sekitar mahkota tersebut yang memberi makna tertentu mengikut fahaman masyarakat ini.<sup>48</sup> Naga adalah simbol kepada keamanan dan pemeliharaan. Sifat ini sesuai dengan peribadi seorang pemerintah yang berperanan sebagai pelindung kepada rakyat jelata. Teratai simbol kepada kesucian dan kesempurnaan. Gabungan kedua motif ini menggambarkan kesucian

<sup>47</sup> *Ibid.*, 42.


<sup>48</sup> Roberta Helmer Satlberg, Ruth Nesi, *A Mini-Encyclopedia of Chinese Crafts*, 54.

takhta Buddha dipelihara dengan baik oleh naga yang bersifat pemelihara dan penjaga. Selain itu, kedudukan sisik naga yang berada di puncak mimbar merupakan lokasi yang baik sesuai dengan pangkat seorang pemerintah yang sentiasa dianggap betul dan mulia. Motif naga dalam bentuk satu ini boleh dilihat pengplikasiannya di ketiga buah masjid.

b) Bentuk 2 (Naga Melingkar)

Motif naga pada gambar rajah 4.31 ini merupakan motif naga yang biasanya diukir sebagai hiasan pada jed. Biasanya ukiran naga pada jed akan menggambarkan naga dalam keadaan melingkar. Pemerintah Cina suatu masa lalu akan memakai jed berbentuk naga melingkar ini sebagai simbol kepada pemerintah. Selain itu, tangkal-tangkal naga Cina juga diukir dalam keadaan melingkar. Naga yang diukir dalam keadaan melingkar ini memainkan peranan penting dalam kebudayaan Cina kerana tulisan aksara Cina naga pada awalnya ditulis dalam bentuk melingkar.<sup>49</sup> Motif naga dalam bentuk dua hanya didapati di Masjid Tengkeri sahaja.

Rajah 4.31 Naga Melingkar di MT dan Jed Naga Melingkar



#### 4.2.2 Analisis Motif Ekor Layang-layang

Burung layang-layang atau *yan* yang terdapat di tiga buah masjid kajian ini tidak menampilkan bentuk burung secara nyata tetapi sekadar ekornya sahaja. Pengaruh penggunaan ekor burung layang-layang sebagai hiasan simbol berasal dari wilayah


<sup>49</sup>Hugo Munsterberg, *Symbolism in Ancient Chinese Art*, 42.



Fujian.<sup>50</sup> Daripada sudut perubatan, sarang burung layang-layang atau lebih dikenali sebagai burung walit ini mempunyai khasiat yang tinggi. Oleh kerana khasiat yang bermutu tinggi, burung ini dijadikan salah satu motif dalam kesenian Cina bagi mempertingkatkan kepentingan haiwan ini daripada sudut perubatan Cina.

Daripada aspek kepercayaan masyarakat Cina, apabila seekor burung layang-layang itu kembali ke sarangnya yang terdapat di bawah atap ia menandakan nasib yang baik dan penghuni yang menetap di dalam rumah tersebut akan memperolehi kejayaan. Selain itu, haiwan ini dianggap dapat memberi tuah dan menjadi simbol kepada musim bunga.<sup>51</sup> Sepanjang kajian penulis, setiap rumah ibadat dan rumah kediaman masyarakat Cina pasti terdapat motif ekor burung ini yang dijadikan hiasan pada bahagian bumbung. Antaranya ialah Tokong Cheng Hoon Teng. Motif ekor burung ini juga dijadikan sulur bayur bumbung masjid kajian.

Rajah 4.32 Ekor Lelayang di MT dan di TCHT



Hampir keseluruhan penggunaan motif ekor burung layang-layang ini boleh dilihat di bahagian bumbung dan pintu gerbang masjid. Sepanjang kajian, penulis tidak pernah melihat pengaplikasian motif ini di dalam bangunan masjid. Lawatan penulis ke tokong Cina dan masjid di China menguatkan lagi kajian penulis kerana motif ini tidak digunakan di dalam bangunan tetapi dijadikan motif utama dalam perhiasan bumbung

<sup>50</sup>So Mui Ma, *In search of Cultural Identity*, 6.

<sup>51</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 88.

bangunan. Kedudukan motif ini berada lokasi yang sesuai dengan karakternya yang memberi makna yang baik bagi masyarakat Cina.

### 4.2.3 Analisis Motif Tapir

Berdasarkan kajian penulis mendapati terdapat tiga jenis haiwan iaitu babi hutan, tapir dan badger<sup>52</sup> yang mempunyai persamaan daripada sudut bentuk badan dengan imej 4.33 di mimbar Masjid Tenggera dan ketiga haiwan ini mempunyai hubung kait yang baik daripada aspek falsafah Cina. Berdasarkan temubual bersama Rosmah Wati Ahmad Zakaria, beliau mendakwa imej tersebut adalah imej babi hutan.<sup>53</sup> Penulis tidak menyetujui pandangan tersebut walaupun imej haiwan yang terdapat di sisi mimbar Masjid Tenggera ini mempunyai persamaan dengan babi hutan.

Penulis berpendapat para tukang yang terlibat dengan pembinaan masjid ini sudah tentu memahami akan sensitiviti umat Islam yang tidak membenarkan makan, menyentuh atau membela haiwan ini kerana pembuatan dan pertukangan mimbar di Melaka banyak dimonopoli oleh golongan pedagang Cina muslim. Pembinaan mimbar bertunjangan seni bina China sememangnya direncanakan pedagang muslim ini dengan tujuan membangkitkan perasaan kecinaan mereka ketika berada di dalam masjid.<sup>54</sup> Mereka semestinya memahami tentang pengharaman Islam terhadap haiwan ini dan sudah tentu haiwan ini tidak akan dijadikan sebagai motif dalam ornamen masjid. Walau bagaimanapun, haiwan ini digunakan sebagai salah satu haiwan dalam kalendar Cina<sup>55</sup> selain menjadi haiwan yang penting dalam ekonomi Cina kerana sesiapa

---

<sup>52</sup> Badger ialah sejenis haiwan daripada keluarga musang

<sup>53</sup> Puan Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Pegawai di Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur) dalam temubual bersama penulis, 15 Februari 2012


<sup>54</sup> Zakaria Ali, *Malaysian Art Selected Essay*, (Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2010), 115.

<sup>55</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 326-327.

yang memiliki haiwan ini dianggap kaya. Haiwan ini juga jarang digunakan sebagai motif melainkan di dalam lukisan moden.<sup>56</sup>

Melihat kepada imej badger, haiwan ini mempunyai tubuh panjang, ekor pendek dan kaki yang pendek. Tetapi haiwan ini tidak mempunyai sebarang bonggol di bahagian atas tubuhnya. Sehubungan itu, penulis telah meneliti imej ini dan mendapatinya adalah seekor tapir atau dikenali sebagai *huan* dalam bahasa Cina. Hal ini turut dipersetujui oleh Louis Lim<sup>57</sup> berdasarkan kepada bentuk badan, kaki dan ekornya yang pendek. Haiwan ini sememangnya digunakan oleh masyarakat Cina untuk dijadikan motif dalam lukisan, mengukir dan dijadikan hiasan pada bahan seramik atau perhiasan yang lain. Menurut pemikiran masyarakat Cina, tapir melambangkan kebahagiaan, kelicikan serta usia yang panjang.<sup>58</sup> Selain itu haiwan ini dianggap dapat memberikan kegembiraan berganda (*double prosperity*) kepada pemiliknya.<sup>59</sup> Haiwan ini merupakan simbol kepada kegembiraan dan pada kebiasaannya seorang peniaga akan memberikan jed yang mempunyai ukiran haiwan ini kepada anaknya sebagai amanah bagi meneruskan perniagaan keluarga.<sup>60</sup>

Rajah 4.33 Motif Tapir di MT



<sup>56</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 140.

<sup>57</sup> Louis Lim (keturunan peranakan Cina Baba dan Nyonya) dalam temubual bersama penulis, 12 Januari 2012 di Melaka Tengah

<sup>58</sup> "Penulis tidak diketahui," *Six Centuries of Islamic Art in China*, Muzium Kesenian Islam: Kuala Lumpur, 201.

<sup>59</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 111.


<sup>60</sup> Teresa Tse Bartholomew, *Hidden Meanings In Chinese Art*, (San Francisco: Asian Art Museum, 2006), 39.

Imej ini disahkan sebagai tapir juga kerana ukiran haiwan ini berada berhampiran dengan motif flet dan kedua-dua motif ini memberi makna yang baik kerana dapat memberi tuah kepada pemiliknya. Dalam kesenian Cina, motif-motif yang membawa kepada tuah dan nasib yang baik akan diukir bersama bagi memperolehi kebaikan di dalam kehidupan. Jika dilihat kedua-dua imej pada rajah 4.33 ini mempunyai persamaan daripada sudut bentuk tubuh, kaki, mulut yang panjang dan bentuk muka panjang dari arah sisi. Tapir mempunyai ekor yang pendek dan haiwan pada mimbar Masjid Tengkeri mempunyai ukiran ekor kecil dan pendek.

#### 4.2.4 Analisis Motif Katak

Katak atau *qingwa* merupakan haiwan yang penting dalam kebudayaan Cina. Ianya mewakili simbol keabadian, penyembuhan, wang dan bulan. Bagi masyarakat Cina juga, haiwan ini dianggap membawa tuah dalam kehidupan seharian mereka. Memandangkan katak banyak memberi manfaat kepada perubatan Cina, haiwan ini dijadikan motif dalam kesenian Cina bagi memperingati kemanfaatan dan faedahnya dalam menyembuhkan penyakit di China. Kedudukan katak yang bertenggek di bawah bunga plum memberi makna gabungan yang baik.

Rajah 4.34 Motif Katak



Melihat kepada gabungan bunga plum dengan katak ini masing-masing mempunyai fungsinya yang tersendiri dan antara persamaan yang boleh dilihat ialah

kedua-dua motif ini iaitu katak dan plum samaada bunga atau buahnya mempunyai khasiat untuk menyembuhkan penyakit. Antara penyakit yang paling berkesan sekali untuk disembuhkan adalah keracunan. Gabungan ini mempunyai keseimbangan yang baik dan disebabkan itu kedua motif ini sesuai disatukan dalam bentuk ornamen. Katak adalah simbol kepada usia yang panjang, penyembuh, wang dan keriang. Haiwan ini mempunyai banyak khasiat untuk menyembuhkan penyakit. Antaranya penyakit jantung, kulit bernanah dan ruam. Ianya juga dapat menghilangkan racun, bengkak, mengurangkan demam dan ulser.<sup>61</sup>

#### **4.2.5 Analisis Motif Arnab**

Rajah 4.35 merupakan imej tumbuhan iaitu bunga Cassia atau *gui pi* dalam sebutan Cina yang digabungkan dengan motif arnab. Imej dalam bulatan merupakan kuntuman bunga Cassia yang melitupi tubuh arnab. Menurut falsafah Cina, bunga Cassia melambangkan kejayaan dan jika sebuah rumah itu diukir dengan bunga Cassia, penghuni rumah tersebut akan mencapai kejayaan dalam setiap usaha mereka.<sup>62</sup> Imej yang terletak diatas kuntuman bunga ini merupakan arnab yang dapat dilihat kepalanya yang sedang mendongak ke atas termasuklah mata dan telinga manakala badannya dilitupi oleh kuntuman bunga Cassia. Arnab merupakan simbol kepada kebijaksanaan dan usia yang panjang.<sup>63</sup>


---

<sup>61</sup>Sheryl Tan (Pegawai di Muzium Cheng Ho) dalam temubual bersama penulis, 2 November 2014

<sup>62</sup>*Ibid.*, 24.

<sup>63</sup>Roberta Helmer Stalberg, *A Mini-Encyclopedia Chinese Crafts*, 62.

Rajah 4.35 Motif Arnab di MKK



Gabungan kedua motif ini menggambarkan bahawa seseorang itu akan mencapai kejayaan dengan kebijaksanaan yang dimilikinya dan kejayaan tersebut akan berkekalan. Lukisan atau gambaran arnab dengan bunga Cassia merupakan kiasan yang menggambarkan bahawa kedua-dua flora dan fauna ini tinggal di bulan. Arnab pada pada rajah 4.35 seolah-olah sedang mendongak ke langit melihat sesuatu. Jika dilihat putaran alam, bulan dan matahari mempunyai gerakan yang sama iaitu timbul dari arah timur dan tenggelam ke arah barat. Lawatan penulis ke masjid ini pada waktu malam telah memberi jawapan kepada jangkaan penulis. Hasil pemerhatian mendapati, kedudukan arnab ini sememangnya strategik kerana berada di bawah bulan. Kedudukan arnab ini adalah pada lokasi yang tepat kerana membolehkan haiwan ini mendongak untuk menatap bulan yang berada di dada langit dalam beberapa tempoh sebelum terbenam ke arah barat.

Ukiran haiwan ini sememangnya telah direncanakan oleh pengukir yang bertanggungjawab dalam pembinaan masjid ini. Antara perkara yang meyakinkan penulis adalah satu-satunya motif arnab dan bunga Cassia ini hanya dapat dilihat pada lapisan pertama bumbung masjid di bahagian selatan sahaja. Sedangkan motif-motif lain dapat dilihat dalam jumlah yang banyak pada lokasi yang berbeza. Dalam lukisan Cina juga kebiasaannya arnab dilukis disebalik bunga Cassia dan tubuhnya tidak dilukis

secara keseluruhan melainkan kepalanya sahaja.<sup>64</sup> Begitu juga dengan imej yang terdapat pada rajah 4.35 yang mana arnab diukir disebalik bunga Cassia.

#### 4.2.6 Analisis Motif Pegar

Pegar atau *zhi* merupakan haiwan daripada spesis burung. Secara kasar imej di dalam gambar 4.36 merupakan pegar yang digabungkan dengan motif bunga peoni. Dalam kesenian Cina bunga peoni akan digabungkan dengan pegar bagi membentuk suatu makna dalam falsafah Cina. Dalam lukisan Cina, imej pegar akan dilukis seolah-olah berada dalam taman yang dipenuhi dengan bunga peoni.<sup>65</sup> Pegar ialah haiwan yang mewakili kecantikan dan kebaikan. Gabungan kedua motif ini memberi erti kepada kekayaan, kehormatan dan mendapat tuah dalam setiap pekerjaan.<sup>66</sup> Sewaktu zaman Dinasti Song, pakaian yang mempunyai hiasan burung pegar menjadi pakaian rasmi permaisuri dan isteri kepada para pembesar. Hal ini kerana dengan memakai pakaian yang mempunyai imej haiwan ini dianggap sebagai berstatus tinggi dan simbol haiwan ini tidak boleh diguna pakai oleh rakyat biasa.<sup>67</sup>

Rajah 4.36 Motif Pegar dan Peoni di MKK




<sup>64</sup>Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 24.

<sup>65</sup>Teresa Tse Bartholomewa, *Hidden Meanings In Chinese Art*, 157.

<sup>66</sup>*Ibid.*

<sup>67</sup> Patricia Bjaalaand Welch, *Chinese Art*, 80.

Rajah 4.37 Imej Burung Pegar dan Ukiran Pegar di MKK



Terdapat dua ekor pegar yang diukir di sebalik daun peoni pada dinding Masjid Kampung Keling ini dan kedua-dua ekor haiwan ini bertenggek di atas batang pokok bunga peoni. Seekor mempunyai saiz tubuh besar berbanding seekor lagi bersaiz lebih kecil.

#### 4.2.7 Analisis Motif Rama-rama

Rama-rama atau *hudie* ini seringkali dikaitkan dengan roh nenek moyang yang berterbangan pulang ke rumah untuk membawa peringatan kepada cucu-cicit yang masih hidup. Rama-rama juga dianggap sebagai simbol kepada usia yang panjang.<sup>68</sup> Haiwan ini juga membawa maksud kegembiraan serta lambang kepada musim panas.<sup>69</sup> Rama-rama seringkali dijadikan corak serta dekorasi pada tembikar dan sulaman pada pakaian. Kecantikan rama-rama yang memiliki corak yang menarik dan warna yang pelbagai kerap dijadikan sebagai inspirasi oleh penyair dan pelukis bagi menghasilkan syair dan lukisan yang berkualiti.<sup>70</sup>


<sup>68</sup>“Penulis tidak diketahui,” *Six Centuries of Islamic Art in China*, (Muzium Kesenian Islam: Kuala Lumpur, (2001), 72.

<sup>69</sup>Roberta Helmer Stalberg, *A Mini-Encyclopedia Chinese Crafts*, (Singapore: Tomes Books International, 1983), 64.

<sup>70</sup>“Penulis tidak diketahui,” *Six Centuries of Islamic Art in China*,” 73.



Rajah 4.38 Motif Rama-Rama di MKK dan Motif Rama-Rama Pada Perabot Antik Dinasti Qing



Rajah 4.39 Gabungan Motif Rama-Rama, Peoni dan Teratai Pada Pasu Keramik Cina



Berdasarkan kajian, motif rama-rama ini dijadikan hiasan pada pasu seramik yang terletak di puncak gerbang masjid. Sekitar motif rama-rama ini penulis dapati terdapat ukiran bunga teratai. Gabungan rama-rama dan teratai menjadi serasi kerana keduanya menjadi lambang kepada musim panas dan kegembiraan dalam musim tersebut. Selain bunga teratai, bunga peoni turut diukir berdekatan dengan rama-rama. Bunga peoni membawa maksud pangkat, kecantikan, kedudukan yang tinggi dan kemewahan. Manakala rama-rama membawa maksud usia yang panjang. Menurut fahaman masyarakat Cina, sekiranya hiasan kedua-dua motif ini digabungkan ianya akan membawa erti yang berbeza iaitu perasaan kasih, kegembiraan dan kebahagiaan. Selain itu gabungan kedua motif ini membawa maksud kesetiaan di dalam perkahwinan.<sup>71</sup> Di dalam seni hias Cina, kedua-dua motif ini akan disatukan bagi menonjolkan rasa kesatuan kasih dan sayang. Selain daripada perasaan kasih dan sayang

<sup>71</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 27.

gabungan kedua motif ini juga merupakan simbol kepada kehidupan status tinggi, kekayaan dan penghormatan.<sup>72</sup>

#### 4.2.8 Analisis Motif Phoenix

Burung phoenix atau *feng huang* adalah sejenis burung kayangan dan bukan haiwan sebenar tetapi burung ini dianggap sebagai raja kepada segala burung.<sup>73</sup> Penciptaan haiwan imaginasi ini terhasil daripada beberapa gabungan fizikal haiwan antaranya ialah kepala pegar, badan itik mandarin, kaki burung unta, mulut burung kakak tua dan sayap burung layang-layang. Haiwan ini diserikan dengan penampilan yang penuh dengan kecantikan dan keunikan dalam setiap kesenian Cina.<sup>74</sup> Burung ini dicipta dan diilhamkan oleh manusia sebagai burung kayangan dan haiwan yang hampir dengan syurga. Haiwan ini adalah merupakan lambang kepada pencapaian yang tinggi dan baik hati.<sup>75</sup> Selain itu, haiwan ini turut dikaitkan dengan sifat kehalusan, keanggunan, kecantikan dan kegembiraan<sup>76</sup> dan menjadi simbol kepada perkahwinan dan kesuburan zuriat.

Sepanjang kajian bunga peoni akan digabungkan dengan phoenix terutamanya pada mimbar Masjid Kampung Hulu tetapi tidak diukir terlalu hampir di antara keduanya. Dalam kesenian Cina kedua motif ini dianggap mempunyai kesinambungan yang baik dan sering dipadankan bersama. Phoenix mewakili maharani manakala peoni melambangkan wanita yang jelita, penghormatan, kekayaan dan kasih sayang. Oleh itu, gabungan kedua motif ini melambangkan kedudukan maharani dalam sebuah kerajaan yang memiliki ciri-ciri wanita yang kaya, bermaruah dan penuh dengan kasih sayang dalam dirinya terhadap rakyat yang diperintah. Bunga peoni merupakan bunga kegemaran Maharani Dowager Cixi yang memerintah China pada tahun 1861M selepas

---

<sup>72</sup> Teresa Tse Bartholomew, *Hidden Meanings In Chinese Art*, 156.

<sup>73</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 80.f

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> Grace Choong Ai May, *Tembikar Baba dan Nyonya: Corak dan Motif Porselin Famille Rose*, 27.


<sup>76</sup> "Penulis Tidak Diketahui," *Six Centuries of Islamic Art in China*, 71.

kemangkatan maharaja. Sewaktu pemerintahannya bunga peoni dijadikan sebagai bunga rasmi negara itu.<sup>77</sup> Oleh demikian, gabungan kedua motif ini sering dilihat dalam apa jua bentuk kesenian Cina termasuklah ukiran dan lukisan.

a) Bentuk 1(Gabungan Phoenix dan Naga)

Imej haiwan yang kelihatan pada makara ini adalah kepala burung phoenix yang bersambung dengan badan naga yang bersisik. Dalam mitos Cina, kedua-dua haiwan ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri dan seringkali digabungkan dalam apa jua bentuk lukisan, ukiran atau hiasan. Phoenix dianggap sebagai maharani yang memiliki sifat keanggunan, kecantikan dan kegembiraan. Naga pula dianggap sebagai maharaja dan simbol kepada kelakian, kekuatan, keberanian dan perlindungan. Oleh sebab itu, naga dan phoenix adalah gabungan ideal kerana masing-masing melengkapkan antara satu sama lain iaitu lelaki dan perempuan sekaligus mencapai keseimbangan *yin* dan *yang*.<sup>78</sup>

Rajah 4.40 Jed Cina di Muzium Guangzhou dan Kepala Phoenix dan Sisik Naga di MKH



Sewaktu lawatan penulis ke Muzium China, terdapat perhiasan jed Cina yang ditemui di muzium, ukiran jed yang menggabungkan imej phoenix dan naga tidak kelihatan jelas tetapi bagi yang melihatnya dengan teliti akan memahami bahawa simbol yang ditunjukkan itu mewakili imej naga dan phoenix. Berdasarkan maklumat di muzium ini, imej daripada jed ditemui di makam maharaja China dari kerajaan Nanyue. Walau bagaimanapun, jed ini menampilkan kepala naga sebagai tunjang utama dan

<sup>77</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Motifs*, 320.

<sup>78</sup>“Penulis tidak diketahui,” *Six Centuries of Islamic Art in China*, 71.

badan phoenix berbeza dengan gabungan yang berada di makara Masjid Kampung Hulu yang menjadikan kepala phoenix sebagai asas diikuti badan naga yang bersisik. Menurut kenyataan Sami Tan Siew Ming, setiap rumah ibadat Cina pasti mempunyai hiasan, ukiran atau lukisan burung phoenix dan naga sama ada dalam bentuk visual yang jelas atau dalam bentuk yang menampakkan identiti haiwan.<sup>79</sup> Kajian lapangan penulis ke rumah ibadat Cina telah mengesahkan lagi kenyataan beliau.

b) Bentuk 2 (Kepala Phoenix yang digabungkan dengan awan skrol)

Rajah 4.41 Kepala Phoenix Bersambung Dengan Awan Skrol di MKH




Rajah 4.41 merupakan kepala phoenix yang digabungkan dengan awan skrol dan gambaran ini memperlihatkan burung phoenix ini seperti burung kayangan. Oleh kerana haiwan ini merupakan haiwan kayangan, pengukir yang menghasilkan ukiran ini menggabungkan kepala burung phoenix dengan gulungan awan dengan tujuan untuk menggambarkan kedudukan haiwan ini dalam mitos Cina. Gabungan kedua motif ini memperlihatkan bahawa phoenix adalah haiwan syurga kerana hampir dengan langit sekaligus dianggap dekat dengan syurga. Selain itu, awan skrol atau gulungan awan ini dianggap sebagai tunggangan phoenix di dalam syurga. Oleh itu, rajah 4.41 menggambarkan phoenix di dalam syurga berdasarkan gabungan ukiran dengan gulungan awan.

---

<sup>79</sup> Tan Siew Meng (Sami di Tokong Bukit China Melaka) dalam temubual bersama penulis, 14 Oktober 2013

Rajah 4.42 Kepala Phoenix di MKH dan di TCHT



#### 4.2.9 Rumusan

Terdapat lapan jenis haiwan yang menjadi motif dalam tiga buah masjid kajian ini dan berdasarkan kepada analisis penulis, komponen dalaman yang menjadi tumpuan dalam seni ukir motif haiwan ini kebanyakan boleh dilihat di bahagian mimbar masjid. Antara haiwan yang boleh dilihat pada komponen ini ialah katak, phoenix, naga dan tapir manakala empat lagi jenis haiwan kesemuanya berada di bahagian komponen luar masjid kajian. Antara komponen luar yang mempunyai motif haiwan ialah gerbang masjid yang dihiasi motif ekor layang-layang dan rama-rama manakala ukiran antara bumbung masjid terdapat motif pegar dan arnab. Kesemua jenis haiwan ini ditampilkan secara jelas fizikalnya, walaupun tidak secara keseluruhan fizikal haiwan tersebut. Terdapat hanya tiga jenis haiwan sahaja yang ditonjolkan keseluruhan fizikalnya iaitu katak, rama-rama dan tapir.

Terdapat hanya dua haiwan yang ditonjolkan seluruh badan tetapi dilitupi oleh bunga atau daun. Haiwan-haiwan ini juga sememangnya digabungkan dengan bunga bagi melengkapkan makna falsafah Cina. Haiwan yang dimaksudkan ialah arnab yang berada di sebalik motif bunga Cassia dan pegar yang dilitupi oleh daun peoni. Terdapat tiga jenis haiwan yang hanya diambil salah satu fizikalnya sebagai simbol identiti haiwan berkenaan iaitu naga yang hanya ditampilkan sisik dan ekornya, burung layang-layang hanya diaplikasikan ekornya dan phoenix yang ditonjolkan kepala sahaja. Namun begitu hanya sebahagian sahaja yang ditampilkan secara jelas visualnya seperti

ekor layang-layang, sisik dan ekor naga manakala enam haiwan lagi iaitu phoenix, katak, musang, rama-rama, arnab dan pegar diletakkan di kawasan yang sukar dilihat dan hanya dengan pemerhatian yang khusus sahaja dapat mencapai visual tersebut.

Penulis berpendapat, haiwan-haiwan ini sengaja diletakkan dilokasi tersembunyi dilihat dengan tujuan untuk memelihara kehendak Islam yang melarang penggunaan bentuk haiwan di dalam masjid dan tujuan bentuk haiwan ini diukir hanya semata-mata untuk melengkapkan makna dan falsafah Cina. Haiwan yang berada dilokasi jelas dilihat tetamu masjid tidak mampu menimbulkan sebarang keraguan kerana haiwan-haiwan ini hanya menampilkan salah satu fizikalnya sahaja yang tidak diketahui tetamu masjid dan hampir keseluruhan tetamu yang ditemui penulis menganggap motif tersebut sekadar hiasan biasa. Kesemua jenis haiwan ini mewakili simbol kepada kekayaan, kejayaan, tua baik, perubatan, kesihatan, usia panjang dan kecantikan serta kehormatan.

#### **4.3 Motif Kosmos**

Kosmos merupakan kesemua yang ada di dunia dan di alam semesta atau keadaan dunia yang teratur serta dikaitkan dengan teori atau sistem kepercayaan yang menyingkap hubungan rahsia kesatuan alam semesta dengan satu-satunya kewujudan.<sup>80</sup> Kosmos dalam fahaman Cina adalah setiap perkara yang berkaitan dengan kepercayaan Buddha. Secara keseluruhan, terdapat sebelas jenis kosmos yang berkaitan dengan agama Buddha penulis temui sepanjang kajian lapangan. Kesemua motif ini memberi makna yang baik dalam fahaman masyarakat Cina kerana ianya melengkapkan ciri-ciri dan kehendak masyarakat ini yang mementingkan beberapa perkara utama di dalam kehidupan mereka.

---

<sup>80</sup>Ezrin Arbi, "Kosmologi Dalam Seni Bina Asli di Kepulauan Melayu" (makalah, Seminar Seni dan Kosmologi, Peringkat Kebangsaan, 1-2 Oktober 1996), 1-2.

Motif-motif ini diukir dengan jelas tanpa ada sebarang samaran pada ornamentasi tersebut. Kesemua motif-motif ini juga penulis temui di rumah ibadat Cina bahkan masjid-masjid di China juga turut mengaplikasikan motif kosmos yang berunsurkan Buddha ini di dalam masjid. Bagi masyarakat muslim di China mereka tidak menganggap motif kosmos ini daripada aspek keagamaan tetapi sebagai suatu bentuk budaya yang telah diwarisi secara turun temurun daripada keluarga mereka. Oleh demikian, motif-motif ini diaplikasikan ke dalam masjid sebagai suatu bentuk kebudayaan dan kesenian semata-mata.<sup>81</sup> Lokasi motif dan ornamentasi ini boleh dilihat pada komponen luar dan dalam masjid. Komponen luar masjid boleh didapati di bahagian lapisan bumbung dan di kawasan sekitar masjid manakala komponen dalam masjid yang mempunyai motif kosmos ialah pada mimbar dan mihrab.

---

<sup>81</sup> Ishak Wong (Imam masjid Haopan China) dalam temubual bersama penulis, 5 Disember 2012

Jadual 4.4: Jumlah Keseluruhan Motif Kosmos di Tiga Buah Masjid Kajian

Jenis Kosmos	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengker	Masjid Kg. Hulu	Total
1. Teratai	7	5	/	12
2. Syiling	52	/	/	52
3. Skrol	5	/	/	5
4. Roda	5	1	/	6
5. Mutiara	4	/	/	4
6. Tanduk Badak	4	/	/	4
7. Bluster vase	6	2	/	8
8. Layer Vase	4	4	4	12
9. Bekas Buah	/	2	/	2
10. Gourd Bottle	/	/	1	1
11. Artemisia Leaf	/	4	/	4
Jumlah	87	18	5	110

Sumber: Kajian Lapangan 2011-2013

Carta 4.4: Jumlah Peratusan Kosmos Bagi Tiga Buah Masjid Kajian



Sumber: Kajian Lapangan 2011-2013



Jumlah keseluruhan penggunaan motif kosmos di tiga buah masjid kajian ini adalah sebanyak 110 motif dan Masjid Kampung Keling mendominasi jumlah terbesar iaitu 87 motif bersamaan 79% diikuti Masjid Tengkeri sebanyak 18 motif bersamaan 16% dan Masjid Kampung Hulu 5 motif bersamaan 5%. Motif kosmos yang mempunyai jumlah terbesar adalah motif syiling dengan jumlah 52 motif dan motif ini satu-satunya terdapat di Masjid Kampung Keling. Motif teratai merupakan motif kedua tertinggi iaitu 12 motif. Teratai yang terdapat di Masjid Kampung Keling mempunyai jumlah 7 motif dan Masjid Tengkeri 5 motif. 'Layer vase' dengan jumlah 12 motif bagi keseluruhan motif di tiga masjid kajian dan setiap masjid mempunyai 4 motif 'layer vase'. Motif skrol mempunyai 5 motif yang kesemuanya dipraktikkan di Masjid Kampung Keling. Sebanyak 5 motif roda yang dijadikan hiasan motif di Masjid Kampung Keling dan hanya terdapat 1 motif roda di Masjid Tengkeri yang menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 6 motif roda.

Motif mutiara, tanduk badak dan artmesia leaf masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak 4 motif. Motif mutiara dan tanduk badak ini hanya boleh didapati di Masjid Kampung Keling sahaja manakala artmesia leaf boleh dilihat di Masjid Tengkeri. Pasu jenis bluster vase kesemuanya mempunyai 8 motif. 6 didapati di Masjid Kampung Keling dan bakinya di Masjid Tengkeri. Terdapat 2 motif bekas buahan yang terdapat di sisi mimbar Masjid Tengkeri dan motif yang terakhir ialah bottle gourd yang terdapat hanya satu motif di Masjid Kampung Keling.

#### **4.3.1 Analisis Motif Teratai**

Berdasarkan kajian penulis, terdapat dua jenis teratai yang tidak boleh dikategorikan sebagai motif bunga. Hal ini adalah disebabkan fungsi motif tersebut yang tidak menggambarkan keadaannya sebagai hiasan bunga tetapi lebih kepada unsur Buddha. Jika dilihat kembali makna disebalik bunga teratai atau *lianhua* menurut

fahaman Buddha, bunga ini dianggap suci kerana ianya tumbuh di kawasan yang berlumpur. Teratai merupakan salah satu daripada lambang agama Buddha dan jenis teratai *Nelumbo Nucifera* adalah yang kebiasaan digunakan dalam upacara keagamaan masyarakat Cina. Sehubungan dengan itu penulis mengkategorikan motif teratai pada bahagian mahkota atap bumbung meru, mahkota atap bumbung menara dan mihrab masjid sebagai motif kosmos.

a) Bentuk 1 (Dua Lapisan Teratai di Kedudukan Berasingan)

Berdasarkan kepada kajian, bunga teratai yang berperanan sebagai motif dan ornamentasi di tiga masjid kajian mempunyai fungsi sebagai alas kepada mahkota atap. Satu lapisan bunga teratai yang terdapat pada mahkota atap ini disebut sebagai *padmasana* manakala dua lapis bunga teratai disebut *visvapadmasana*.<sup>82</sup> Dalam agama Buddha bunga teratai digambarkan dalam bentuk kelopak yang terbuka dan di atasnya diduduki oleh seorang dewa.<sup>83</sup> Seorang dewa atau Buddha itu akan duduk di lapisan ketiga stupa disebabkan kesucian bunga ini. Pada kebiasaan bunga yang digunakan sebagai alas tempat duduk dewa ini merupakan bunga teratai jenis *Nelumbo Nucifera*.<sup>84</sup>

Teratai dianggap bunga yang suci walaupun tumbuh di kawasan berlumpur tetapi bunga tersebut berada di permukaan dalam keadaan yang bersih.<sup>85</sup> Simbolik kepada bunga ini adalah bagi menggambarkan hidup seorang manusia di dalam kehidupan duniawi yang penuh dengan godaan tetapi seorang itu boleh mencapai pencerahan sekiranya berjaya menahan diri daripada hawa nafsu. Teratai mewakili kesucian tubuh, pertuturan dan fikiran berdasarkan kepada bunganya yang terapung di atas permukaan air yang menghubungkan keinginan seseorang. Ketiga-tiga masjid

---

<sup>82</sup> Jansen E.R. *The Book Of Buddhas*, (Binkey kok Publication: Havelte Holland, 2000), 14.


<sup>83</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 255.

<sup>84</sup> Ong Hean-Tatt, *Chinese Plant Symbolism, A Guide To The Symbolic Value Of Plants In Chinese Culture*, (Selangor: Pelanduk Publication, 1999), 57.

<sup>85</sup> Teresa Tse Bartholomew, *Hidden Meanings In Chinese Art*, 47.

kajian ini mempunyai mahkota atap pada puncak bumbung masjid dan dilapisi kelopak bunga teratai yang berada di dalam keadaan terbuka.

Rajah 4.43 Lukisan Stupa dan Mahkota Atap MKK




Takhta Buddha mempunyai bentuk yang besar dan dilapisi bunga teratai dalam kedudukan mendatar dengan kelopak teratai boleh dilihat pada bahagian sekitar mahkota tersebut.<sup>86</sup> Gambaran tersebut mempunyai persamaan dengan mahkota atap mimbar yang terdapat di masjid kajian yang dilapisi kelopak teratai dan dikelilingi kelopak bunga tersebut. Ketiga-tiga masjid kajian ini mempunyai satu mahkota atap yang dilapisi dua kelopak bunga teratai.

#### b) Bentuk 2 (Dua Lapisan Teratai Bertindih)

Dua lapisan teratai pada mahkota atap menara Masjid Kampung Keling yang bertindih ini mempunyai persamaan dengan stupa. Namun begitu, gambar di bawah menunjukkan situasi yang sama iaitu kedudukan seorang dewa yang duduk di atas dua kelopak bunga teratai yang terbuka. Motif teratai dalam bentuk dua ini hanya didapati di mahkota atap menara Masjid Tengkerah sahaja.

<sup>86</sup>Roberta Helmer Stalberg, *A Mini-Encyclopedia Chinese Crafts*, 54.

Rajah 4.44 Mahkota Atap Menara MKK dan Buddha di Atas Lapisan Kelopak Teratai



### 4.3.2 Analisis Motif Roda

Roda kehidupan atau *falun* merupakan salah satu lambang agama Buddha yang melambangkan keabadian, takdir dan kitaran kelahiran dan kematian seorang penganut Buddha itu.<sup>87</sup> Roda kehidupan ini ialah perkara paling asas dalam kepercayaan Buddha berkenaan kitaran manusia yang berangkai dengan kehidupan, kematian dan kelahiran semula bergantung kepada seorang penganut ajaran tersebut. Seorang penganut yang berfikiran tidak benar akan mengakibatkan kesakitan rohani tetapi sekiranya seorang penganut itu berpegang dengan roda kehidupan nescaya penganut tersebut akan mencapai tahap nirvana yang akan menghapuskan segala penderitaan.<sup>88</sup>


#### a) Bentuk 1 (Roda Kehidupan)

Gambar 4.45 merupakan bunga teratai yang berfungsi sebagai penampung kepada jejaring roda. Pada kebiasaan roda kitaran ditampilkan dalam bentuk roda basikal dan terdapat jejaring besi yang dianggap sebagai kitaran hidup manusia apabila roda tersebut dipusingkan. Motif roda bentuk satu ini hanya didapati di Masjid Tengker.

<sup>87</sup> "Penulis tidak diketahui," *Six Centuries of Islamic Art in China*, 74.

<sup>88</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 242.


Rajah 4.45 Roda Kehidupan di TCM dan di MT



b) Bentuk 2 (Teratai Pengganti Jejaring Roda)

Motif pada gambar 4.46 menggambarkan roda dalam bentuk bunga teratai dengan menggantikan jejaring besi kepada kelopak teratai sebagai kitaran kehidupan seorang penganut itu. Penggunaan bunga teratai bagi menggantikan jejaring roda adalah sesuatu yang suci kerana teratai merupakan bunga yang disanjung dalam agama Buddha.<sup>89</sup> Penulis menyimpulkan imej ini sebagai roda kerana terdapat ukiran seperti ikatan reben di sekitar roda teratai ini. Menurut masyarakat Cina, sesuatu yang berbentuk reben jika diikat sekitar suatu motif itu khususnya kosmos ianya dianggap suci dan berkait dengan ajaran Buddha.<sup>90</sup> Motif roda bentuk dua hanya didapati di Masjid Kampung Keling.

Rajah 4.46 Roda Kehidupan di MKK dan Imej Roda Teratai




<sup>89</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 257.

<sup>90</sup> *Ibid.*

### 4.3.3 Analisis Motif Syiling

Motif syiling merupakan salah satu daripada lambang Buddha yang membawa maksud kekayaan.<sup>91</sup> Kekayaan adalah merupakan perkara yang menjadi impian setiap masyarakat Cina. Sehubungan itu, motif syiling diletakkan di dalam rumah ibadat Cina bagi memohon kekayaan daripada dewa. Apabila motif syiling dihubungkan sebagai geometri ianya memberi erti harta atau *lianqianwen*.<sup>92</sup> Duit syiling China juga dibuat dalam bentuk bulat dan di tengahnya mempunyai lubang bagi memudahkan untuk menyimpan syiling tersebut. Motif syiling ini juga sering dijadikan hiasan dalam kesenian Cina. Selain menjadi simbol kepada duit syiling motif ini juga menjadi corak geometri dalam kesenian Cina.<sup>93</sup> Menurut rekod PERZIM, motif ini diperkenalkan oleh Cheng Ho sewaktu pelayarannya ke Melaka dan menjadikannya sebagai hiasan terpenting pada tempoh tersebut.<sup>94</sup>

Rajah 4.47 Motif Syiling di MKK dan Motif Syiling Lapan Lambang Buddha



Motif ini juga bukan sahaja boleh dilihat di tokong malah rumah kediaman masyarakat Cina juga menjadikan lambang ini sebagai motif hiasan di rumah mereka. Antaranya rumah masyarakat Cina di Melaka dan Pulau Pinang.

<sup>91</sup> Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 95.

<sup>92</sup> Patricia Bjaaland, *Chinese Art*, 250.

<sup>93</sup> *Ibid.*

<sup>94</sup> Sila lihat lampiran S iaitu syiling seramik yang dibawa masuk Cheng Ho sewaktu pelayarannya di Melaka

#### 4.3.4 Analisis Motif Skrol

Skrol adalah olahan daripada ju'i terapung iaitu cokmar oleh dewa manakala skrol dikaitkan dengan ilmu dan apabila ianya dikelilingi oleh sekumpulan awan larat ianya melambangkan pendidikan, pembelajaran dan kesedaran rohaniah.<sup>95</sup> Berdasarkan pemerhatian, ukiran skrol di lapisan bumbung Masjid Kampung Keling ini diukir berdekatan dengan motif awan skrol. Ukiran kedua motif ini dalam jarak yang dekat adalah untuk melengkapkan maksud falsafah Cina berkenaan pendidikan. Tokong-tokong di Melaka juga dilihat mempunyai ukiran motif skrol yang digabungkan dengan awan skrol di bahagian dinding dan bumbung bangunan.

Masyarakat Cina mempunyai kemahiran yang tinggi dalam seni pembuatan skrol dan motif ini sentiasa menghiasi setiap rumah penduduk Cina. Skrol juga dianggap sesuatu yang suci kerana tulisan yang ditulis atas gulungan kertas tersebut dianggap benar. Oleh demikian, skrol ditulis di atas kertas merah dan ditampal pada pintu rumah bagi memperolehi kejayaan dalam bidang pendidikan. Penghuni rumah percaya bahawa mereka akan mendapat berkat, kebahagiaan dan kegembiraan buat seisi rumah.<sup>96</sup> Bagi fahaman Buddha, skrol melambangkan kesucian dan kebenaran.<sup>97</sup> Motif skrol dalam bentuk gulungan diperkenalkan ke alam Melayu oleh Cheng Ho sewaktu tujuh pelayarannya. Skrol dalam bentuk gulungan ini biasa digunakan dalam perhiasan seramik Cina.


---

<sup>95</sup>“Penulis tidak diketahui,” *Six Centuries of Islamic Art in China*, 71.

<sup>96</sup> *Ibid.*

<sup>97</sup>C.A.S. Williams, *Outlines of Chinese Symbolism and Art Motives*, 345.

Rajah 4.48 Motif Skrol di MKK dan Motif Skrol di TCHT



### 4.3.5 Analisis Motif Mutiara

Mutiara atau *baozhu* dikatakan mampu memberi sinar cahaya pada waktu malam serta lambang kepada tuah dan nasib yang baik. Simbol mutiara atau *zhu* dikatakan membawa tuah kerana mutiara dianggap memberi cahaya pada waktu malam serta mempunyai kuasa ghaib. Dalam fahaman Buddha, mutiara merupakan salah satu daripada lapan benda berharga. Masyarakat Cina percaya bahawa mutiara adalah merupakan *essence* bulan.<sup>98</sup> Mutiara juga simbol kepada tuah atau nasib baik terutamanya daripada sudut kekayaan.<sup>99</sup> Sewaktu zaman Dinasti Qing, mutiara menjadi perhiasan utama pada pakaian pemerintah bagi mendapat rahmat, kekayaan dan tuah daripada pemakaian mutiara ini.<sup>100</sup> Selain itu, mutiara juga adalah lambang kepada kecerdikan, kecantikan dan kesucian.<sup>101</sup> Lambang benda berharga biasanya disambung dengan reben yang panjang yang bermaksud tenaga ghaib yang dibebaskan dari objek tersebut.<sup>102</sup>

<sup>98</sup> Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 95.

<sup>99</sup> Teresa Tse Bartholomew, *Hidden Meanings In Chinese Art*, 155.


<sup>100</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 63.

<sup>101</sup> C.A.S. Williams, *Outlines of Chinese Symbolism and Art Motives*, 319-320.

<sup>102</sup> Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 94.



Rajah 4.49 Motif Mutiara di MKK dan Mutiara Buddha




Kedudukan mutiara yang terdapat di permukaan dinding bumbung MKK ini diukir berhampiran pasu-pasu yang mempunyai bunga teratai, peoni dan plum. Mutiara ialah lambang kepada ilmu, begitu juga dengan pasu. Oleh sebab itu, kedua-duanya berkait dan saling berhubung maksudnya. Selain itu, motif mutiara ini juga diibaratkan seperti pelindung kepada bunga-bunga ini. Walaupun malam menjelma, tetapi kecantikan bunga ini tetap terpelihara dan menyerlah pada waktu malam kerana sinar cahaya yang dipancarkan daripada mutiara ini.

#### 4.3.6 Analisis Motif Tanduk Badak

Rajah 4.50 merupakan salah satu daripada lapan lambang benda berharga iaitu tanduk badak sumbu. Tanduk ini adalah simbol kepada kesihatan dan sebagai simbol Buddha yang diikat dengan reben.<sup>103</sup> Simbol ini terletak berhampiran dengan bunga plum. Kedudukan kedua motif ini memberi satu kombinasi yang baik kerana khasiat bunga plum juga mampu menyembuhkan penyakit. Oleh itu, simbol kesihatan adalah bertepatan dengan kedua-dua simbol.

Rajah 4.50 Motif Tanduk Badak di MKK dan di TCHT




<sup>103</sup> Grace Choong Ai May, *Tembikar Baba dan Nyonya: Corak dan Motif Porselin Famille Rose*, 32.

### 4.3.7 Analisis Motif Labu Botol (Bottle Gourd)

Labu botol atau *hulu* merupakan salah satu daripada lapan perkara keabadian dalam agama Buddha yang sentiasa dibawa kemana-mana oleh Dewa Li Tieguai. Labu botol dalam kesenian Cina dianggap memberi satu kuasa untuk menyembuhkan penyakit dan perlindungan untuk seseorang daripada terkena penyakit. Labu botol dianggap simbol kepada usia yang panjang kerana menjadi lambang kepada syurga yang tidak berpenghujung. Penggunaannya telah bermula sejak daripada zaman Dinasti Tang dan Song. Sewaktu zaman Dinasti Ming, labu botol digunakan sebagai tempat simpanan air dan motif ini biasanya akan diukir pada hulu pedang. Masyarakat Cina dahulu kala sering meletakkan labu botol untuk diselitkan disisi tali pinggang dengan tujuan menepis kemalangan dan berusia panjang.<sup>104</sup> Berdasarkan labu botol yang terdapat di puncak gerbang Masjid Kampung Hulu ini ianya berbentuk bulat dan tidak panjang tetapi imejnya sebagai labu botol masih jelas. Saiz botol labu di masjid ini diukir mengikut saiz labu botol Cina.

Rajah 4.51 Motif Labu Botol di MKH dan Buah Labu Botol China



### 4.3.8 Analisis Motif Bluster Jar

*The jar of vase* atau *ping* dianggap dihasilkan dari syurga dan mampu menyembuhkan pelbagai penyakit dan memberi kehidupan abadi jika meminum air dari

<sup>104</sup> Patricai Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 50-51.

dalam pasu ini. Air yang diminum daripada pasu ini juga dikatakan dapat menghidupkan orang yang mati.<sup>105</sup> Jika dilihat kembali falsafah disebalik makna pasu ini ianya membawa erti ilmu pengetahuan maka dengan sebab itu pasu dijadikan hiasan dalam rumah ibadat Cina dan diletakkan di atas meja altar kerana para pendeta suka kepada ilmu. Bagi masyarakat Cina pasu adalah lambang kepada kepentingan pengetahuan dan pencapaian.<sup>106</sup>

Pada kebiasaan bunga yang seringkali digunakan untuk menghiasi pasu ini adalah bunga Orkid dan bunga Peoni.<sup>107</sup> Pemilihan Peoni dan orkid yang diletakkan di dalam pasu ini memberi erti keamanan dan restu.<sup>108</sup> Oleh sebab itu, kedua bunga ini menjadi pilihan utama bagi mengisi pasu. Pasu bunga ini diperbuat daripada porselin dan dihasilkan khas untuk bunga-bunga tertentu. Imej pasu juga membawa makna keamanan, keselamatan, keabadian dan kemakmuran.<sup>109</sup> Di kediaman masyarakat Cina, pasu bunga biasanya diletakkan di atas meja altar bagi memelihara keselamatan anak cucu keluarga tersebut.<sup>110</sup>

Rajah 4.52 Motif Pasu di MT dan di TCHT



<sup>105</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 242.

<sup>106</sup> "Penulis tidak diketahui," *Six Centuries of Islamic Art in China*, 74.

<sup>107</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 416.

<sup>108</sup> Terese Tse Bartholomew, *Hidden Meaning In Chinese Art*, 158.

<sup>109</sup> So Mui Ma, *In search of Cultural Identity*, 12.


<sup>110</sup> Grace Choong Ai May, *Tembikar Baba dan Nyonya: Corak dan Motif Porselin Famille Rose*, 22.

Ukiran pasu yang terdapat di sisi mimbar Masjid Tengkeria ini dihiasi dengan bunga orkid dan diletakkan berhampiran dengan bekas buahan, flet dan tanglung yang diikat pada dahan batang bunga plum. Imej seperti ini banyak ditemui penulis di rumah ibadat Cina dan masjid di negara China.

#### 4.3.9 Analisis Motif Endless Knot

Endless knot atau *jie* merupakan simbol kepada kitaran semulajadi bagi setiap perkara wujud yang tidak mempunyai pengakhiran dan hanya mampu dipecahkan melalui jalan Buddha yang menunjukkan belas kasihan yang tidak berkesudahan.<sup>111</sup> Selain daripada itu, ikatan yang tidak berpenghujung ini juga dianggap sebagai kebijaksanaan penganut Buddha yang tidak berpenghujung dan apabila ikatan ini ditransformasikan kepada kesenian ianya menghasilkan makna usia yang panjang memandangkan endless knot ini tidak ada penghujung pada ikatannya seperti nilai sebuah cinta sebenar.<sup>112</sup> Motif ini juga dianggap sesuatu yang mendatangkan tuah dan menjadi simbol keabadian.<sup>113</sup>

Rajah 4.53 Motif Endless Knot di MKK dan Lukisan Endles Knot



Jika dilihat pada rajah 4.53, endless knot pada mimbar ini tidak kelihatan ketara kerana motif bunga olea fragrans diukir pada bahagian tengah endless knot ini. Penulis berpendapat, motif endless knot ini tidak ditonjolkan secara terus adalah bagi

<sup>111</sup> Patricia Bjaaland, *Chinese Art*, 242.

<sup>112</sup> Teresa Tse Bartholomew, *Hidden Meanings In Chinese Art*, 185.

<sup>113</sup> Wolfram Eberhard, *A Dictionary Of Chinese Symbols*, (Routledge: London, 1986), 156.

mengelakkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam memandangkan motif ini salah satu daripada lambang agama Buddha. Penulis menemui banyak motif ini di rumah masyarakat Cina terutamanya di Melaka dan Pulau Pinang. Motif ini dijadikan sebagai hiasan utama dengan tujuan penghuni rumah berkenaan sentiasa mendapat tuah dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Terdapat lapan simpulan kepada ikatan ini yang menjadi tonggak utama kepada amaran Buddha berkenaan lapan perkara yang tidak boleh dilanggar iaitu larangan membunuh, larangan mencuri, larangan menzalimi makhluk sejagat, larangan menjadi saksi palsu, larangan meminum arak, peringatan kepada usia tua, kelemahan dan kematian.<sup>114</sup>

#### **4.3.10 Analisis Motif Bekas Buahan**

Bakul yang dipenuhi bunga atau buah merupakan salah satu daripada lapan tanda-tanda abadi dalam ajaran agama Buddha. Menurut mitologi Cina lapan tanda abadi dipercayai sebagai rahsia kepada alam semulajadi.<sup>115</sup> Lai Cai-he iaitu salah satu daripada lambang abadi digambarkan sentiasa memegang bekas buah-buahan dan bekas bunga. Melihat kepada bekas buahan Masjid Tengkerah buah-buahan tersebut tidak jelas ukirannya melainkan buah pisang sahaja. Buah pisang pula adalah lambang kepada ilmu pengetahuan dan merupakan salah satu daripada empat belas simbol intelektual.<sup>116</sup>


---

<sup>114</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Motifs*, 292.

<sup>115</sup> Menurut legenda Cina, Lai Cai adalah merupakan seorang pengemis yang sering menyanyi jalanan. Dia akan membawa bersamanya bakul yang dipenuhi dengan bunga-bunga yang dikatakan menjadi lambang kepada jangka hayat yang panjang serta menjadi simbol bahawa dirinya dapat berkomunikasi dengan tuhan. Lai Cai juga adalah lambang kepada keindahan bunga. Sila lihat C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 155.

<sup>116</sup> Wolfram Eberhard, *A Dictionary of Chinese Symbols*, 120.

Rajah 4.54 Ukiran Bekas Buah di Mimbar MT dan di MSAW



Sepanjang kajian lapangan penulis ke China dan tokong-tokong di seluruh Malaysia amnya dan Melaka khususnya, kebiasaan buah yang mengisi bekas buah adalah buah peach.<sup>117</sup> Hal ini berdasarkan kepada imej buah tersebut yang sememangnya jelas kelihatan daripada sudut warna dan bentuk buah tersebut. Bagi masyarakat Cina buah peach adalah buah syurga dan simbol kepada dewa. Buah ini juga adalah buah yang sangat penting dalam kehidupan orang Cina sehingga menjadi buah utama dalam menghasilkan sebarang bentuk kesenian. Oleh itu, penulis menyimpulkan buah yang diukir di sebelah buah pisang ini merupakan buah peach berdasarkan kepada kajian lapangan penulis ke serata tempat yang berkaitan.

#### 4.3.11 Analisis Motif Artmesia Leaf


Daun artmesia merupakan salah satu lambang kepada ajaran Buddha. Ianya merupakan simbol kepada perlindungan, keselamatan serta panjang usia. Oleh kerana bentuk daun yang seakan cakar harimau ini biasanya diukir pada gerbang bagi tujuan melindungi penghuni rumah daripada bahaya.<sup>118</sup> Selain memberi erti baik, daun ini juga turut berfungsi sebagai alternatif dalam bidang perubatan Cina kerana baunya yang kuat mampu merawat beberapa penyakit. Daun ini juga turut digunakan sebagai rempah

<sup>117</sup> Di China buah peach turut dikenali sebagai buah dongengan. Asal usul buah ini adalah dari negara China dan penghasilan buah ini di negara tersebut adalah dalam jumlah yang banyak. Buah ini dikatakan dapat menyembuhkan banyak penyakit merbahaya seperti kanser paru-paru. Buah ini juga turut menjadi simbol kepada perkahwinan, keabadian dan musim bunga. Sila lihat C.A.S William, *Chinese Symbolism and Art Motifs*, 315-316.

<sup>118</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 20

dalam makanan. Pada awal abad pertama sebelum masihi, daun artmesia dibakar dan asap daripada pembakaran tersebut berfungsi untuk mengawet bijirin yang disimpan dalam tempoh jangka panjang agar tidak rosak akibat cuaca dan haiwan liar.<sup>119</sup>

Rajah 4.55 Motif Artmesia Leaf di MT dan Daun Artmesia



#### 4.3.12 Rumusan

Terdapat hampir sebelas jenis motif kosmos yang dijadikan sebagai hiasan di dalam tiga buah masjid kajian dan kesemua motif ini boleh dilihat di bahagian komponen luar masjid iaitu mahkota atap, hiasan di antara lapisan bumbung masjid, pintu gerbang dan tembok masjid. Mimbar adalah satu-satunya komponen dalam masjid yang mempunyai jumlah motif kosmos yang terbesar. Walaupun motif-motif kosmos ini adalah berunsurkan agama Buddha, namun motif-motif ini tidak terlalu keterlaluan apabila diaplikasikan sebagai motif hiasan.

Hampir kesemua jemaah masjid yang penulis temui tidak mengerti akan maksud disebalik motif dan ornamentasi yang berasaskan kosmos ini, tetapi keunikan motif-motif tersebut memberi keyakinan kepada mereka bahawa motif berkenaan bukan bercabangkan kesenian Melayu tetapi berunsurkan budaya asing. Lokasi dan kedudukan ukiran-ukiran ini juga agak tersembunyi dan memerlukan pemerhatian yang besar bagi mengenalpasti motif-motif ini. Kesemua motif kosmos ini melengkapinya ciri-ciri yang diinginkan oleh masyarakat Cina iaitu kekayaan, ilmu pengetahuan, tuah baik, perubatan, kesihatan, usia panjang dan kehormatan serta kecantikan.

<sup>119</sup> *Ibid.*

#### 4.4 Motif Buah

Dalam kesenian Cina, buah sering digunakan sebagai imej motif dalam perhiasan seramik, lukisan dan kraf. Buah-buahan akan diukir atau dilukis dalam sebuah bakul dan di dalamnya dipenuhi dengan pelbagai jenis buah. Pada kebiasaan buah yang mewakili makna yang baik akan diletakkan bersama bagi memperolehi kebaikan daripada gabungan tersebut. Antaranya seperti buah epal, delima dan peach yang mana masing-masing mewakili maksud ketenangan dalam kehidupan, usia panjang dan keturunan. Buah-buah yang mempunyai biji yang banyak juga dianggap sebagai buah yang dapat memberikan kebaikan kepada keturunan selain menjadi simbol kepada kesuburan.<sup>120</sup> Kesenian Islam juga menggunakan buahan sebagai motif hiasan bagi menggantikan motif yang berbentuk haiwan dan makhluk bernyawa. Buah-buah yang dijadikan sebagai motif dalam kesenian adalah buah-buah yang terdapat di negara-negara Arab.

Buah-buahan yang diukir pada masjid kajian boleh didapati pada komponen luar masjid seperti ukiran di bumbung masjid manakala bahagian dalam masjid ukiran buah-buahan boleh dilihat di bahagian mimbar masjid.

---

<sup>120</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 47.




Jadual 4.5: Jumlah Keseluruhan Motif Buah

Jenis Buah	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengker	Masjid Kg. Hulu	Total
1. Anggur	2	/	/	2
2. Labu	4	/	/	4
3. Peach	4	2	/	6
4. Pisang	/	2	/	2
5. Buah Plum	/	/	10	10
Jumlah	10	4	10	24

Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2014

Carta 4.5: Jumlah Peratusan Motif Buah di Tiga Buah masjid Kajian



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Motif buah yang terdapat di tiga buah masjid kajian keseluruhan berjumlah 24 motif. Masjid Kampung Keling dan Masjid Kampung Hulu mendominasi jumlah buah terbanyak iaitu 10 motif buah. 10 motif buah bersamaan 41% di Masjid Kampung Hulu hanya mewakili buah plum berbeza dengan Masjid Kampung Keling yang mempunyai 10 motif buah iaitu bersamaan 42% dan terdapat tiga jenis buah iaitu 2 motif anggur, 4

motif labu dan 4 motif buah peach. Motif buah di Masjid Tengkeri kesemuanya 4 motif bersamaan 17%, dua daripadanya mewakili motif buah peach dan dua lagi buah pisang.

#### 4.4.1 Analisis Motif Buah Anggur

Buah anggur atau *tao* ialah simbol kepada kesuburan dan usia panjang. Tetapi apabila buah anggur ini dikelilingi oleh dedaun seperti yang ada pada rajah 4.56 akan mengubah maksud buah ini kepada banyak di mana ianya menjadi simbol kepada keturunan yang ramai. Anggur adalah lambang kepada kejayaan dan kekayaan. Bagi masyarakat Cina juga buah-buahan menjadi simbol kepada kesuburan selain dikaitkan dengan kecantikan seorang wanita. Salah satu daripada kedua-dua nasib baik ini akan datang silih berganti atau akan sentiasa berada di dalam sebuah keluarga. Bahkan mereka beranggapan sekiranya ingin mengubah nasib seseorang buah anggur samaada dalam bentuk lukisan atau buah sebenar perlu diletakkan di dalam rumah. Masyarakat Cina lebih memilih untuk menyimpan anggur dalam bentuk ukiran atau lukisan berbanding buah sebenar.<sup>121</sup> Selain itu, buah anggur merupakan buah yang sering dijadikan motif dalam perhiasan seramik, ukiran perabot dan lukisan kanvas.<sup>122</sup>

Rajah 4.56 Motif Anggur di MKK



Penggunaan motif buah anggur dikatakan bermula dan berkembang jauh sewaktu pertengahan zaman Dinasti Qing<sup>123</sup> dan dibawa masuk ke Melaka oleh pendatang Cina. Reka bentuk corak anggur yang berkembang pesat di bawah Dinasti Ming ini pada peringkat awalnya menjadi sangat popular sehingga berlaku pengeluaran

<sup>121</sup> Louis Lim (Penduduk Cina Baba dan Nyonya) dalam temubual bersama penulis, 12 Januari 2012

<sup>122</sup> Wolfram Eberhard, *A Dictionary of Chinese Symbols*, 54.


<sup>123</sup> Patricia Bjaaland, *Chinese Art*, 52.

secara besar-besaran untuk eksport ke kerajaan Uthmaniyah.<sup>124</sup> Berdasarkan kepada pemerhatian juga, motif anggur ini banyak diukir pada perabot yang digunakan di kediaman masyarakat Cina bahkan pengaplikasian motif ini pada perabot juga telah bermula sejak dari zaman Dinasti Qing.<sup>125</sup> Anggur juga mewakili musim luruh. Ukiran motif pada gambar 4.55 ini berada berhampiran dengan bunga peoni, teratai dan plum di mana masing-masing mewakili musim bunga, panas dan sejuk. Manakala kekwa digantikan dengan buah anggur sebagai wakil kepada musim luruh. Motif-motif yang mewakili musim luruh, sejuk, bunga dan panas kebiasaannya diletakkan berhampiran antara satu sama lain sebagai perwakilan kepada setiap musim.

#### 4.4.2 Analisis Motif Buah Labu

Buah labu atau *gua* dalam bahasa Cina sering dikaitkan dengan tuah dan nasib yang baik.<sup>126</sup> Sekiranya suatu ukiran atau lukisan menggambarkan buah labu di kelilingi dedaunan maksudnya akan berubah kepada tuah dan nasib baik.<sup>127</sup> Apabila tuah digabungkan dengan kesuburan bermakna setiap usaha yang diperolehi hasilnya akan datang dengan jumlah yang berlipat ganda.<sup>128</sup>

Rajah 4.57 Motif Buah Labu di MKK



Persamaan pada gambar di atas memperlihatkan struktur imej yang kelihatan serupa di antara imej daun dan buah yang asli dengan ukiran buah dan daun pada

<sup>124</sup> Rekod Simpanan PERZIM

<sup>125</sup> Rekod Simpanan PERZIM

<sup>126</sup> Patriciaa Bjaaland, *Chinese Art*, 52.

<sup>127</sup> *Ibid.*

<sup>128</sup> *Ibid.*

dinding masjid. Buah labu juga bersifat menjalar dan ukiran pada dinding ini ditampilkan dalam bentuk pokok yang menjalar. Buah labu melambangkan kesuburan memandangkan buah ini mempunyai banyak biji.

#### 4.4.3 Analisis Motif Buah Peach

Buah peach atau *taozi* adalah buah yang utama dalam kesenian Cina dan sering dijadikan motif ukiran dalam perhiasan bangunan ibadat Cina, seramik dan tekstil. Buah peach adalah merupakan salah satu tanda simbol yang sangat penting bagi masyarakat Cina. Buah peach ini menjadi lambang utama kepada usia panjang dan kesihatan yang terbaik. Buah yang seringkali dijadikan motif dalam seni Cina ini juga turut dikaitkan dengan kebahagiaan dalam perkahwinan. Dewa jangka hayat turut dikatakan simbol kepada buah ini.<sup>129</sup>

Rajah 4.58 Motif Peach di MKK dan di Masjid Huaisheng



Berhampiran buah peach ini terdapat ukiran skrol dan teratai. Gabungan ketiga-tiga motif ini merupakan kombinasi yang menjadi simbol kepada agama Buddha dan menjadi lambang kepada kesucian dan keharmonian. Selain itu, buah peach ini turut diukir berhampiran dengan bunga peoni. Gabungan kedua motif ini memberi makna pangkat dan kekayaan yang melimpah ruah serta kehidupan baik yang berpanjangan.<sup>130</sup> Sepanjang kajian lapangan, buah peach ini pasti menjadi hiasan utama di tokong Cina dan diukir di bahagian perabung bumbung tokong. Masjid Saad Abi Waqas, China juga

<sup>129</sup> Roberta Helmer Satlberg, Ruth Nesi, *A Mini-Encyclopedia of Chinese Crafts*, 48.


<sup>130</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 36.

menjadikan buah peach sebagai ukiran utama di bahagian bumbung dan buah tersebut turut diwarnakan bagi menonjolkan bentuk sebenar buah ini.

#### 4.4.4 Analisis Motif Buah Pisang

Pokok pisang atau *jiao* merupakan tanaman yang masyhur di negara China dan kepentingan buah ini kepada masyarakatnya telah menjadikan buah ini sebagai motif utama dalam kesenian Cina. Setiap daripada aspek yang terdapat pada pokok pisang seperti daun, batang pokok dan buah menjadi suatu yang sangat penting dalam kesenian Cina termasuklah lukisan, ukiran, hiasan dan sajak. Penciptaan sajak berasaskan pokok pisang ini telah bermula sejak dari zaman Dinasti Tang lagi. Selain itu, buah ini juga digunakan sebagai sumber perubatan untuk merawat penyakit sembelit kerana buah ini mengandungi serat yang tinggi.<sup>131</sup>

Rajah 4.59 Buah Pisang di TBC dan Buah Pisang di MT



Dalam falsafah Cina, pisang memberi erti yang positif bagi masyarakat Cina. Motif pisang juga turut menjadi simbol kepada intelektual, pengetahuan dan disiplin diri. Pisang juga adalah merupakan salah satu daripada empat belas simbol ilmu pengetahuan.<sup>132</sup> Oleh kerana buah pisang ini memiliki makna dan fungsi yang baik, buah ini sering dijadikan motif hiasan di rumah dan tokong Cina. Berdasarkan kepada analisis yang dilakukan di semua lokasi kajian, hampir setiap tokong yang penulis

<sup>131</sup> *Ibid.*, 22.


<sup>132</sup> Ong Hean-Tatt, *Chinese Plant Symbolism*, 49. Lihat juga Wolfram Eberhard, *A Dictionary of Chinese Symbols*, 49.

lawati pasti terdapat ukiran atau lukisan bekas buahan yang diisi dengan buah pisang, peach dan anggur. Buah pisang yang sebenar juga boleh didapati di meja sembahsan tokong Cina. Ukiran buah pisang yang terdapat di dalam bekas sisi mimbar Masjid Tengkeria ini agak kelihatan rupanya berdasarkan bentuk buah tersebut yang agak panjang dan mempunyai sesikat pada penghujungnya.

#### 4.4.5 Analisis Motif Buah Plum

Buah plum atau *mei guo* berasal dari Selatan China dan diperkenalkan kepada negara Asia yang lain. Buah plum yang memiliki kualiti terbaik datang dari wilayah Shantung. Buah ini mempunyai manfaat yang banyak dan sering dimanfaatkan oleh masyarakat Cina sebagai kaedah alternatif dalam bidang perubatan Cina. Buah ini memiliki penawar untuk menyembuhkan penyakit yang diakibatkan oleh racun. Bahagian buah yang keras dijadikan sebagai ubat untuk melegakan batuk. Bagi masyarakat Cina juga, buah plum menjadi simbol kepada usia yang panjang.<sup>133</sup>

Rajah 4.60 Motif Buah Plum di Mimbar MKH



Melihat kepada buah plum pada mimbar masjid ini, pokok buah plum diukir secara menegak daripada pasu 'layer jar.' Buah ini juga diukir pada batang pokok plum.

<sup>133</sup> C.A.S Williams, *Chinese Symbolism and Motifs*, 330-331.

Ukiran buah plum ini boleh dilihat pada bahagian kaki mimbar Masjid Kampung Hulu sahaja.

#### **4.4.6 Rumusan**

Motif buah yang terdapat di tiga buah masjid kajian ini boleh dilihat di bahagian mimbar dan hiasan antara bumbung meru masjid. Motif buah adalah paling sedikit dalam seni motif di tiga masjid kajian. Kewujudan motif buah ini dilihat sebagai pelengkap kepada falsafah Cina yang menggabungkan buah-buahan ini dengan motif lain bagi mencapai makna tertentu. Secara keseluruhan terdapat lima jenis buah yang digunakan sebagai ornamen iaitu peach, pisang, labu, anggur dan buah plum. Buah anggur dan labu mempunyai biji yang banyak manakala buah yang selebihnya adalah buah yang tidak mempunyai biji. Buah anggur, plum dan peach adalah buah-buahan yang dikategorikan sebagai buah yang mahal kerana tidak terdapat di alam Melayu dan pemilik kepada buah ini dianggap mewah kerana mampu merasainya. Buah pisang dan labu adalah buah yang mudah didapati dan boleh dirasai oleh semua golongan. Buah-buahan yang diaplikasikan di ketiga masjid ini juga memberi makna yang baik bagi masyarakat Cina. Buah anggur mewakili kekayaan, buah labu mewakili tuah baik, buah pisang mewakili ilmu pengetahuan, buah peach mewakili kebahagiaan dan buah plum mewakili kesihatan dan perubatan. Kelima buah ini telah melengkap aspek-aspek yang menjadi sasaran untuk dicapai oleh masyarakat ini.

#### **4.5 Motif Geometri**

Geometri ialah cabang ilmu matematik yang mengkaji sifat-sifat dan perhubungan di antara garis-garis sudut, permukaan bongkah. Bentuk geometri yang digambarkan biasanya tidak hanya tertumpu kepada satu-satu bentuk sahaja. Terdapat ragam-ragam hias yang khusus dan digunakan di dalam seni bina Cina. Antara ragam hias yang dimaksudkan ialah simbol keseimbangan *yin* dan *yang*. Kedua-dua elemen ini

mewakili unsur positif dan negatif. Ia juga adalah hal utama yang menjadi asas utama kepada *feng shui*.

Walaupun setiap suatu benda itu hidup dalam keadaan yang bertentangan namun kedua-dua elemen ini seringkali berdampingan antara satu sama lain secara abadi dalam kekuatan *yin* dan *yang*. Garis patah menggambarkan *yin* ( \_ \_ ) manakala garis terus menggambarkan *yang* ( \_\_\_\_\_ ). Simbol-simbol ini dipercayai dapat menolak pengaruh jahat dan membawa kepada kemakmuran serta keselamatan.<sup>134</sup> Terdapat hiasan geometri yang berbentuk ukiran haiwan dan juga tumbuhan.<sup>135</sup> Dalam kesenian Cina terdapat banyak jenis motif geometri yang diaplikasikan pada tembikar, perabot dan seramik-seramik Cina. Motif geometri juga turut diaplikasikan pada rumah ibadat Cina dan kediaman masyarakat Cina. Komponen-komponen masjid yang dilihat mempunyai motif geometri ialah di lapisan bumbung masjid, pagar masjid dan mimbar.

Jadual 4.6: Motif Geometri di Keseluruhan Tiga Buah Masjid Kajian

Jenis Geometri	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengkeru	Masjid Kg. Hulu	Total
1. Geometri	12	2	12	26
2. Fret	2	2	/	4
3. Kaligrafi	8	4	/	12
4. Swastika	/	4	/	4
Jumlah	22	12	12	46


Sumber: Kajian Lapangan 2011-2014

<sup>134</sup> Moedjiono, *Ragam Hias Dan Warna Sebagai Simbol Dalam Arsitektur Cina*, 21.

<sup>135</sup> So Mui Ma, *In search of Cultural Identity*, 12.



Carta 4.6: Jumlah Peratus Keseluruhan Motif Geometri Tiga Buah Masjid Kajian



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Berdasarkan jadual dan carta di atas menunjukkan bahawa motif geometri bagi keseluruhan masjid kajian berjumlah 46 motif. Masjid yang mendominasi jumlah terbesar ialah Masjid Kampung Keling dengan jumlah 22 motif. Manakala Masjid Tengkeru dan Masjid Kampung Hulu mencatatkan jumlah sebanyak 12 motif. Jumlah penggunaan motif geometri yang terbesar ialah Masjid Kampung Hulu dan Masjid Kampung Keling dengan jumlah 12 motif manakala Masjid Tengkeru dengan 2 motif geometri. Terdapat 12 motif kaligrafi yang hanya terdapat di Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengkeru. 8 kaligrafi terdapat di Masjid Kampung Keling dan 4 motif kaligrafi terdapat di Masjid Tengkeru. Terdapat 4 motif fret, dua daripadanya terdapat di Masjid Kampung Keling dan dua lagi di Masjid Tengkeru. Motif swastika satu-satunya terdapat di Masjid Tengkeru dengan penggunaan 4 motif swastika yang boleh dilihat di bahagian pintu alternatif masjid.

### 4.5.1 Analisis Motif Geometri

Sepanjang kajian, penulis telah menemui beberapa bentuk geometri utama yang menghiasi masjid iaitu geometri yang diilhamkan daripada tumbuhan, geometri bersegi, fret yang dihasilkan melalui bentuk pancaran guruh dan tulisan kaligrafi Cina.

#### a) Bentuk 1 (Geometri Tumbuhan)

Lengkungan geometri ini diilhamkan daripada cabang pucuk dan dahan pokok anggur yang bersifat melilit. Motif geometri yang dihasilkan melalui bentuk tumbuhan ini berperanan sebagai sulur bayur dan berada dalam kedudukan tunggal di bahagian bumbung masjid. Dalam kesenian Islam, motif ini dikenali sebagai arabes dan digunakan secara meluas di negara Timur Tengah.<sup>136</sup> Namun demikian, arabes merupakan suatu motif yang mempunyai bentuk yang ditampilkan secara berulang kali berbeza dengan motif geometri yang berbentuk tunggal pada bumbung masjid ini.

Rajah 4.61 Sulur Bayur di MKK dan Cabang Dahan Pokok Anggur



#### b) Bentuk 2 (Geometri Petak)

Geometri berbentuk petak ini mempunyai keunikan tersendiri kerana geometri ini tidak bersambung antara satu garisan dengan garisan yang lain.

<sup>136</sup> Oleg Grabar, "Reflection on the Islamic Study, Muqarnas," (Vol I ppl-14, 2003), 10.


Gambar 4.3 Geometri Petak di MKK



#### 4.5.2 Analisis Motif Fret

Fret merupakan hiasan yang terdiri daripada corak fret yang terhasil daripada jalinan geometri dengan corak-corak bersegi. Hiasan ini dikatakan sebagai satu simbol panahan petir yang dikaitkan dengan kegembiraan dan sebagai satu lambang kepada swastika Buddha yang mewakili matahari.<sup>137</sup>

Rajah 4.62 Fret di MKK dan Masjid Dungmining



Motif fret ini juga penulis temui pada Masjid Haopan di China yang mana motif ini menghiasi pintu-pintu masuk ke dewan solat masjid tersebut. Motif fret yang terdapat di Masjid Haopan ditampikan dalam bentuk menegak berbeza dengan motif fret yang ditampikan di Masjid Kampung Keling. Namun, motif yang sama boleh dilihat di Masjid Dungmining di China iaitu di bahagian bingkai bumbung masjid yang ditampikan dalam keadaan melintang sama seperti yang ada di Masjid Kampung Keling.

<sup>137</sup>“Penulis tidak diketahui” *Six Centuries of Islamic Art in China*, (Muzium Kesenian Islam: Kuala Lumpur, 2001), 71.

### 4.5.3 Analisis Motif Kaligrafi

Kaligrafi Cina atau *fu hao* ialah sejenis tulisan yang diamalkan secara meluas dan tulisan ini berasal dari China tetapi berkembang sehingga ke Jepun, Korea, Taiwan dan Vietnam. Gambar 4.63 dan 4.64 adalah merupakan kaligrafi Cina yang membawa erti tuah atau nasib yang baik. Bagi masyarakat Cina tuah atau nasib yang baik adalah sesuatu hal yang penting bagi seorang individu untuk mencapai kejayaan serta mengecapi kebahagiaan dalam kehidupan. Sehubungan dengan itu kaligrafi ini dapat dilihat di dalam bangunan ibadat atau rumah masyarakat Cina bagi memastikan tuah dan menghalang nasib malang daripada mengganggu keluarga mereka.<sup>138</sup>

*Double Happiness* ini turut menjadi simbol perkahwinan dan digunakan sebagai hiasan di dalam majlis perkahwinan. Bahkan sampul jemputan perkahwinan juga ada menyediakan simbol ini di bahagian hadapan sampul. Rumah yang mempunyai simbol ini dianggap akan mencapai kebahagiaan dan akan hidup dengan aman damai. Pakar feng shui berpendapat, simbol *double happiness* ini sewajarnya diletakkan di bahagian bumbung rumah yang dihuni.<sup>139</sup> Kaligrafi Islam menggunakan tulisan dan huruf Arab sebagai asas tulisan khat. Kebanyakan tulisan khat yang ditemui dalam masjid adalah petikan daripada ayat-ayat al-quran dan ditulis dengan enam tulisan khat utama.

#### a) Bentuk 1 (Kaligrafi Melintang)


Kaligrafi Cina pada rajah 4.63 ini ditulis dalam keadaan melintang tetapi membawa erti yang sama iaitu kegembiraan berganda atau *double happiness*. Lokasi simbol ini berada di bahagian bumbung dan boleh dilihat pada semua arah lapisan bumbung.

---

<sup>138</sup> Louis Lim (Penduduk Cina Baba dan Nyonya) dalam temubual bersama penulis , 5 Januari 2012

<sup>139</sup> *Ibid.*


Rajah 4.63 Motif Kaligrafi Cina Melintang di MT



b) Bentuk 2 (Kaligrafi Menegak)

Kaligrafi pada rajah 4.64 ditulis dari atas ke bawah dalam maksud yang sama iaitu kegembiraan berganda atau *double happiness*. Tulisan ini diapit dengan motif bunga teratai sebagai tanda pemeliharaan terhadap kegembiraan. Manakala imej di sebelah kanan merupakan contoh kepada tulisan kaligrafi Cina yang diapit dengan haiwan mistik iaitu naga. Perkataan ‘double prosperity’ sememangnya sering di tulis atau diukir bersama bunga teratai kerana ia melambangkan kepada penyatuan kehidupan yang bahagia.<sup>140</sup>

Rajah 4.64 Motif Kaligrafi Cina di MKK dan Tulisan Kaligrafi Cina



#### 4.5.4 Analisis Motif Swastika

Lambang swastika merupakan simbol suci agama Buddha, Jaina dan Hindu. Swastika membawa erti kesejahteraan dan nasib yang baik.<sup>141</sup> Swastika terhasil daripada


<sup>140</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 28.

<sup>141</sup> “Penulis Tidak Diketahui,” *Six Centuries of Islamic Art in China*, 71.

garisan pangkah sama panjang pada sudut 90 darjah kemudian bengkok di bahagian hujung yang manghala ke arah kiri atau kanan. Corak swastika kebiasaannya dapat dilihat dalam keadaan bersambung di antara satu corak swastika dengan corak swastika yang lain. Selain dikenali sebagai swastika ia juga diketahui sebagai ‘*palindrome pattern*.’ Sifatnya yang bersambung dan berulang-ulang memberi erti tiada pengakhiran. Oleh demikian, motif ini menjadi simbol kepada usia yang panjang kepada keturunan sebuah keluarga.<sup>142</sup> Gaya swastika yang menghadap ke kiri dianggap mempunyai kaitan dengan kejahatan dan keburukan.<sup>143</sup> Swastika juga adalah lambang kepada usia panjang.<sup>144</sup> Namun begitu, penulis mendapati kesenian Islam ada menggunakan motif swastika sebagai hiasan di dalam masjid tetapi penggunaannya tidak ketara disebabkan asal usul pembentukan motif ini yang berasal daripada agama Buddha.

Motif ukiran swastika ini banyak digunakan sebagai motif utama dalam ukiran masjid di China.<sup>145</sup> Kebanyakan seramik China pasti diaplikasikan dengan motif swastika di bahagian pinggir pasu seramik.

Rajah 4.65 Swastika Pada Pintu Alternatif MT



<sup>142</sup> Jiang Lu, “The Art of Tradition in Northern China” (tesis kedoktoran United State: Indiana Universiti, 2007), 51.

<sup>143</sup> Mohd SabriZaa Abd Rashid, “Evolusi Bentuk dan Makna ragam Hias dalam Seni Bina Tradisional Melayu” (UiTM: Perak, t.t), 6.

<sup>144</sup> Jiang Lu, *The Art of Tradition in Northern China*, 54.

<sup>145</sup> Sila lihat lampiran U iaitu motif swastika di pintu pagar Masjid Huaisheng

Bentuk yang berulang-ulang ini adalah yang termasyhur digunakan. Reka bentuk motif swastika yang bersambung ini disebut sebagai *shubhitika* yang membawa maksud petanda yang baik dan memberi tuah kepada sesiapa yang menggunakannya. Melihat kepada motif swastika yang ditemui di masjid kajian, kiri dan kanan pintu alternatif ini penulis dapati motif swastika ini berbentuk satu arah sahaja iaitu menghala ke arah jam berpusing. Kajian mendapati corak swastika ini merupakan cerminan antara motif swastika di bahagian pintu kiri dan kanan.

#### **4.5.5 Rumusan**

Motif geometri ini boleh dilihat di beberapa lokasi utama iaitu di bahagian lapisan bumbung masjid dan sulur bayur. Motif ini juga boleh didapati di sisi mimbar masjid kajian. Secara keseluruhan kesemua motif geometri ini mewakili simbol-simbol tuah baik, usia panjang dan kegembiraan.

#### **4.6 Motif Fenomena**


Berdasarkan kepada penemuan penulis, terdapat empat motif fenomena yang terhasil melalui persekitaran semula jadi. Antaranya ialah hiasan klasik skrol diilhamkan daripada lilitan daunan pada dahan pokok manakala awan skrol dan kolar awan diilhamkan daripada bentuk gulungan awan dilangit. Motif tanglung pula terhasil daripada bentuk-bentuk haiwan dan tumbuhan. Terdapat tanglung yang dihasilkan daripada bentuk haiwan seperti naga, ular dan arnab. Tanglung yang diilhamkan daripada benda adalah seperti lampu, kipas dan bantal manakala tanglung yang digunakan untuk perayaan atau sambutan keramaian yang diilhamkan daripada buah labu. Motif fenomena ini boleh dilihat di beberapa komponen luar masjid iaitu di lapisan bumbung manakala komponen dalam masjid yang mempunyai motif fenomena ialah mimbar.

Jadual 4.7: Jumlah Keseluruhan Motif Fenomena di Tiga Buah Masjid Kajian

Jenis Fenomena	Masjid Kg. Keling	Masjid Tengker	Masjid Kg. Hulu	Total
1. Klasik Skrol	2	/	2	4
2. Awan Skrol	8	/	8	12
3. Kolar Awan	8	/	/	8
4. Tanglung	/	6	/	6
Jumlah	18	6	10	34

Sumber: Kajian Lapangan 2011-2013

Carta 4.7: Peratus Keseluruhan Motif Fenomena di Tiga Buah Masjid Kajian



Sumber: Kajian Lapangan, 2011-2013

Berdasarkan jadual dan carta pai di atas terdapat empat jenis motif fenomena yang dipraktikkan di tiga masjid kajian dengan jumlah keseluruhan sebanyak 34 motif. Masjid Kampung Keling mendominasi penggunaan motif ini di dalam masjid iaitu 18 motif diikuti Masjid Kampung Hulu dengan jumlah 10 motif bersamaan 20% manakala Masjid Tengker dan dengan jumlah 6 motif bersamaan 20%. Terdapat tiga jenis motif



fenomena yang terdapat di Masjid Kampung Keling iaitu klasik skrol sebanyak 2 motif, awan skrol dan kolar awan 8 motif. Masjid Kampung Hulu mempunyai 2 motif klasik skrol dan 8 motif awan skrol. Manakala Masjid Tengkeria merupakan satu-satunya masjid yang mewakili motif tanglung dengan jumlah 6 motif.

#### **4.6.1 Analisis Motif Klasik Skrol**

Klasik skrol adalah istilah yang dikhususkan kepada satu hiasan yang berbentuk gulungan selari yang tetap dan malar. Susunan daun ini berada dalam bentuk separa lingkungan dan alunan gulungan daun tersebut diliputi sulur paut. Motif ini merupakan reka corak linear yang digunakan sebagai corak tepian. Kedudukan tangkai yang berada dalam keadaan beralun dijadikan rangka kemudian tangkai tersebut dihiasi dengan daun-daun yang kecil atau besar, awan atau bunga. Tujuan hiasan ini adalah untuk menampilkan garisan separuh abstrak ini. Hiasan dedaun yang beralun ini berperanan sebagai penonjol kepada garisan dan penambahan lebih alunan pada garisan yang menonjolkan lagi motif garisan dedaun yang beralun ini.<sup>146</sup>

Reka corak ini biasanya dilukis dengan tangan pada barangan tembikar sekitar abad ke-14M dan 15M. Motif klasik skrol seringkali menghiasi seramik-seramik Cina terutamanya seramik yang didatangkan dari zaman Dinasti Yuan dan dinasti ini antara yang terawal sekali mempraktikkan motif ini. Pada kebiasaan hiasan klasik skrol ini digunakan untuk menghiasi bingkai pinggan seperti yang dapat dilihat pada bingkai pinggan Dinasti Ding yang dipenuhi dengan gulungan daun yang dibentuk menjadi corak abstrak.

##### **a) Bentuk 1 (Klasik Skrol Melintang)**


Klasik skrol pada rajah 4.66 ini diukir dalam keadaan melintang pada bahagian bingkai dinding masjid. Corak motif ini kebiasaan boleh dilihat pada hiasan pasu seramik Cina

---

<sup>146</sup> Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 92.

yang diukir pada bahagian bibir pasu seramik ini. Corak motif ini juga banyak didapati di rumah ibadat Cina dan masjid di negara China. Motif skrol bentuk satu ini hanya didapati di Masjid Kampung Keling sahaja.

Rajah 4.66 Klasik Skrol di MKK dan Klasik Skrol di MHC



b) Bentuk 2 (Klasik Skrol Melengkung)

Motif klasik skrol yang kedua ini diukir dalam bentuk melengkung di sisi mimbar masjid. Sepanjang kajian lapangan, penulis tidak pernah menemui hiasan klasik skrol dalam keadaan melengkung kebanyakan penulis temui dalam bentuk satu. Motif klasik skrol bentuk dua ini didapati di Masjid Kampung Keling dan Masjid Tengker.

Rajah 4.67 Klasik Skrol Lengkungan di MKH dan Klasik Skrol Pada Pinggan Seramik Dinasti Ding



**4.6.2 Analisis Motif Awan Skrol**

Motif daripada unsur yang bercorak awan atau *yun* merupakan ornamen Cina yang tertua dalam kesenian Cina kerana telah bermula sejak daripada zaman Dinasti Han. Motif awan ini biasanya dihias pada pakaian rasmi pemerintah kerana makna baik

disebalik motif ini diharap dapat memberi tuah yang baik pada pemerintah. Gulungan awan juga dikaitkan dengan syurga kerana ianya merupakan tempat tinggal para dewa. Oleh sebab itu, para pemerintah dikatakan mempunyai hubungan kait dengan awan skrol ini kerana mereka juga dianggap sebagai dewa.<sup>147</sup> Masa yang berlalu telah mengembangkan lagi corak dan motif awan ini.<sup>148</sup> Motif ini boleh didapati pada seramik dan tekstil serta menjadi ornamen yang masyhur dalam kesenian Cina bahkan penulis turut menemui motif ni di Masjid Saad Abi Waqas, China.<sup>149</sup> Motif awan yang mempunyai pelbagai bentuk dan jenis ini merupakan lambang kepada tuah dan nasib baik.<sup>150</sup> Pada Kebiasaan corak awan akan ditampilkan secara berulang-ulang kerana reka bentuk secara ulangan ini melambangkan kekayaan yang tidak berkesudahan. Salah satu bentuk yang menarik ialah penemuan yang terdapat di masjid kajian kerana motif awan ini ditampilkan dalam bentuk gulungan yang berulang.

Rajah 4.68 Motif Awan Skrol di Perabung MKK



### 4.6.3 Analisis Motif Kolar Awan

Kolar awan ini terdiri daripada empat panel kelopak yang bersimetri. Ia mempunyai corak yang bervariasi dan adakalanya dekoratif di bahagian dalamnya dipenuhi dengan dekoratif lain. Simbol kepada bentuk ju-i yang berbentuk hati sama dengan batang ju'i yang dibawa oleh deiti Buddha yang membawa maksud kekuasaan.

<sup>147</sup> Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 92.


<sup>148</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 250.

<sup>149</sup> Sila lihat lampiran T iaitu motif skrol di Masjid Saad Abi Waqas, China

<sup>150</sup> Patricia Bjaaland, *Chinese Art*, 249.

Manakala kepala ju'i membawa erti segala keinginan yang akan tercapai. Kolar awan ini diukir secara berulang-ulang dan kadangkala boleh dilihat seperti motif tepian awan.<sup>151</sup> Motif kolar awan ini boleh dilihat dalam jumlah yang banyak di tokong Cina terutamanya di bahagian meja sembah. Masjid Kampung Keling adalah satu-satunya masjid yang mengaplikasikan motif kolar awan ini di bahagian mimbar masjid.

Rajah 4.69 Motif Kolar Awan di Sisi Mimbar MKK dan di TCHT



#### 4.6.4 Analisis Motif Tanglung

Dalam agama Buddha tanglung yang disinari cahaya melambangkan ilmu pengetahuan dan pencerahan.<sup>152</sup> Tanglung mempunyai pelbagai bentuk dan corak yang terdiri daripada bentuk haiwan, bulan, kosmos dan tumbuhan. Terdapat tanglung yang berbentuk kiub, bulat seperti bola, segi empat tepat, rata, bujur dan nipis. Tanglung juga boleh didapati dalam bentuk pelbagai jenis haiwan termasuklah haiwan berkaki empat dan berkaki dua.<sup>153</sup> Tanglung memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial dan beragama di samping menjadi simbol kegembiraan dalam masyarakat Cina. Pengaplikasian kedua-dua bentuk motif tanglung ini penulis dapati di Masjid Tenkera sahaja dan tidak didapati sebarang motif tanglung pada masjid yang lain.

<sup>151</sup> Margaret Medley, *A Handbook of Chinese Art*, 92.

<sup>152</sup> Wolfram Eberhard, *A Dictionary of Chinese Symbols*, 159.

<sup>153</sup> C.A.S William, *Chinese Symbolism and Motifs*, 179-183.

a) Bentuk 1 (Fancy Lantern)

Tanglung berbentuk seperti gambar 4.71 ini biasanya digunakan bagi menyambut sebarang bentuk festival. Ia juga diketahui sebagai '*fancy lantern*' atau tanglung pelbagai corak.

Gambar 4.4 Motif Tanglung di Sisi Mimbar MT




b) Bentuk 2 Tanglung Berbentuk Labu (Gourd Lantern)

Tanglung ini diilhamkan pembuatannya daripada bentuk buah labu dengan harapan dapat menghalang penyakit dan gangguan makhluk halus. Oleh itu, tanglung jenis ini biasanya diguna pakai pada hari keramaian terutamanya perkahwinan dan sambutan perayaan tahun baru Cina bagi menghalang gangguan roh yang jahat. Manakala bagi pengantin tanglung ini digunakan untuk mengekalkan usia panjang dan bebas daripada sebarang penyakit.<sup>154</sup> Masyarakat Cina di Melaka khususnya dan Malaysia amnya sering menggunakan tanglung berbentuk bulat ini bagi menyambut sebarang perayaan. Setiap sambutan perayaan yang disambut di negara China akan menggunakan tanglung bentuk dua sebagai alatan sambutan perayaan.

---

<sup>154</sup> Patricia Bjaaland Welch, *Chinese Art*, 51.

Rajah 4.70 Motif Tanglung di Sisi Mimbar MT dan Tanglung Cina



#### 4.6.5 Rumusan

Kesemua motif fenomena yang terdapat pada komponen masjid kajian iaitu pada bahagian bumbung dan mimbar masjid ini mewakili simbol-simbol kepercayaan masyarakat Cina. Motif klasik skrol, gulungan awan dan kolar awan merupakan simbol maksud kepada tuah baik. Oleh demikian motif ini banyak diaplikasikan sebagai ornamen di rumah masyarakat Cina dan peranakan. Motif yang dianggap tuah ini dianggap dapat mengubah nasib seorang individu agar menjadi lebih baik dalam setiap apa yang dikerjakan. Motif tanglung pula menjadi simbol kepada ilmu pengetahuan, usia yang panjang dan kecantikan serta kehormatan. Oleh demikian, apabila tiba musim perayaan motif tanglung akan digantungkan di halaman rumah masyarakat Cina.

#### 4.7 Kesimpulan

Secara visualnya, ketiga-tiga masjid kajian mempunyai persamaan yang ketara daripada sudut reka bentuk dan pembinaannya. Namun begitu, daripada sudut seni ukir yang melibatkan motif dan ornamentasi Cina ini lebih didominasi dengan jumlah besar oleh Masjid Kampung Keling. Secara totalnya ketiga-tiga buah masjid ini didirikan dengan perhatian seorang pemimpin Melayu tetapi tukang yang bertanggungjawab

dalam proses membangun masjid adalah terdiri daripada tukang Cina. Penglibatan mereka dalam pertukangan lebih ketara di bahagian komponen luar masjid berbanding komponen dalam masjid. Sehubungan dengan itu, motif Cina dalam jumlah yang banyak boleh dilihat secara visual di bahagian luar masjid memandangkan kurang proses renovasi berbanding bahagian dalam ruang solat yang telah mengubah ruangan tersebut secara ketara.

Berdasarkan kepada keunikan ukiran dan gabungan maksud bagi setiap jenis motif memberi makna yang serasi dan mendalam bagi setiap jenis motif jelas membuktikan bahawa pengukir tersebut adalah tukang Cina memandangkan ketinggian makna dalam seni motif Cina ini sudah tentu daripada nukilan bangsa itu sendiri yang semestinya tidak dapat disampaikan oleh bangsa lain. Setiap daripada ukiran motif dan ornamentasi Cina yang diaplikasikan pada bangunan masjid mempunyai nilai daripada sudut makna. Secara keseluruhan, motif yang berunsurkan Cina ini mewakili makna-makna tertentu seperti kecantikan serta kerormatan, usia panjang, ilmu pengetahuan, kesihatan, perubatan, tuah, kekayaan dan kejayaan. Oleh itu, simbol yang mewakili makna-makna ini dianggap sebagai sesuatu yang penting bagi memastikan setiap daripada individu yang memahami dan berpegang dengan kepercayaan ini akan memperolehi kejayaan dalam setiap perbuatan dan usaha dalam kehidupan mereka.